

**Bil. 62**

**Khamis  
14 Disember 1995**



**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN  
PENGGAL PERTAMA  
MESYUARAT KETIGA**

## KANDUNGAN

<b>USUL MEMINDA SUSUNAN URUSAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 14 (2)</b>	[Ruangan 1]
<b>JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN</b>	[Ruangan 1]
<b>USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18:</b>	
Laporan EIA Bahagian II Projek Empangan Bakun — Y.B. Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)	[Ruangan 16]
<b>RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT</b>	[Ruangan 19]
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b>	
Rang Undang-Undang Kewangan (No. 2) 1995	[Ruangan 19]
<b>USUL:</b>	
Akta Kastam 1967—	
(i) Perintah Duti Kastam (Barang-Barang Berasal dari Negeri-Negeri ASEAN) (Tarif Keutamaan Sama Rata) 1994;	[Ruangan 41]
(ii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 4) 1995	[Ruangan 41]
(iii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 5) 1995;	[Ruangan 41]
(iv) Perintah Kastam (Duti Anti-Lambakan Sementara) 1995	[Ruangan 41]

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).
- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh).
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR. LING LIONG SIK, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis).
- „ Menteri Kerja Raya, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR. LIM KENG YAIK, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas).
- „ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).
- „ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Pertanian, DATUK SERI AMAR DR. HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).
- „ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Menteri Pendidikan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan).
- „ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulau).
- „ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK LAW HIENG DING, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR. TING CHEW PEH, D.P.M.P. (Gopeng).
- „ Menteri Pertahanan, DATO' SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi).

- Yang Berhormat Menteri Pembangunan Luar Bandar, DATO' HAJI ANNUAR BIN HAJI MUSA, S.I.M.P. (Peringat).
- „ Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATUK OSU BIN HAJI SUKAM, P.G.D.K. (Papar).
- „ Menteri Belia dan Sukan, TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- „ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak).
- „ Menteri Kesihatan, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR. HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- „ Menteri Pembangunan Usahawan, DATO' MUSTAPA BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Jeli).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' DR. SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Paya Besar).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK RAILEY BIN HAJI JAFFREY, P.G.D.K., J.M.N. (Silam).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DR. LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' DR. ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' DR. SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' TENG GAIK KWAN, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).
- „ Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' HAJI TENGGU MAHMUD BIN TENGGU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).
- „ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DATUK DR. FONG CHAN ONN, D.M.S.M. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' CHAN KONG CHOY, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, DATO' K. KUMARAN, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tengah).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR. AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR. IBRAHIM BIN SAAD, D.M.S.M. (Tasek Gelugor).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATO' ABU BAKAR BIN DAUD, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATUK WIRA MOHD. ALI BIN MOHD. RUSTAM, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DR. GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK HAJI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, CIK SITI ZAINAB BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, TUAN IDRIS BIN JUSOH, P.J.K. (Besut).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATO' M. MAHALINGAM, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' MOHD. NOH BIN RAJAB, D.S.N.S. (Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, DATO' HAJI MUHAMAD BIN ABDULLAH, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN AZMI BIN KHALID, S.M.P., P.J.K. (Padang Besar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, DR. HAJI SHAFIE BIN MOHD. SALLEH, S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN HISHAMUDDIN BIN TUN HUSSEIN (Tenggara).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, DATO' ABU BAKAR BIN TAIB, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, TUAN TAN CHAI HO, K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATUK MOHD. SHAFIE BIN HAJI APDAL, P.G.D.K. (Semporna).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, PUAN SHAHRIZAT BINTI ABDUL JALIL (Lembah Pantai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN G. PALANIVEL., P.J.K. (Hulu Selangor).
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN HAJI AWANG DAMIT (Labuan).
- „ TUAN ABDUL AZIZ BIN MOHD. YASSIN (Muar).
- „ TUN ABDUL GHAFAR BIN BABA, S.S.M. (Jasin).
- „ TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- „ TUAN ABDUL RAHIN BIN DATO' MOHD. SAID (Kuala Nerus).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN HAJI SULAIMAN, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan).
- „ DATO' HAJI ABU DAHARI BIN OSMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.J.K. (Lipis).
- „ DATUK ABU SEMAN BIN HAJI YUSOF, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI ABU ZAHAR BIN DATO' NIKA UJANG, A.M.N. (Kuala Pilah).
- „ TUAN AHMAD HUSNI BIN MOHD. HANADZLAH, P.P.T., A.M.P. (Tambun).
- „ TUAN AHMAD KAMARUZAMAN BIN MOHAMED BARIA, P.J.K. (Jerantut).
- „ DATUK AHMAD ZAHID BIN HAMIDI, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok).
- „ PUAN AINON KHARIYAH BINTI DATO' MOHD. ABAS, P.M.P., A.M.P. (Parit).

- Yang Berhormat TUAN AKBARKHAN BIN ABDUL RAHMAN (Libaran).
- „ DATU AMIRKAHAR BIN TUN DATU HAJI MUSTAPHA (Marudu).
- „ TUAN ASMAT NUNGKA (Beluran).
- „ TUAN HAJI BADRUDDIN BIN AMIRULDIN, B.K.M., P.J.K. (Yan).
- „ TUAN HAJI BADRUL HISHAM BIN ABDUL AZIZ (Hulu Langat).
- „ TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- „ TUAN HAJI BUNYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- „ TUAN CHANG KON YOU (Ipoh Timur).
- „ CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA, P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN CHIA KWANG CHYE (Bukit Bendera).
- „ TUAN CHIEW CHIU SING (Bintulu).
- „ DATO' JOSEPH CHONG CHEK AH, D.S.P.N. (Batu).
- „ PUAN CHUA SOON BUI (Tawau).
- „ TUN DAIM BIN HAJI ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).
- „ TUAN FU AH KIOW (Mentakab).
- „ TUAN HAMZAH BIN RAMLI (Sri Gading).
- „ DATO' HANAFI BIN RAMLI, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun).
- „ TUAN HASHIM BIN ISMAIL, P.P.N., P.I.S. (Ledang).
- „ TUAN HENRYNUS AMIN, A.D.K. (Kinabalu).
- „ DATO' HEW SEE TENG, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar).
- „ TUAN HO CHEONG SING, A.M.N. (Ipoh Barat).
- „ DATO' HON CHOON KIM, D.S.N.S. (Seremban).
- „ TUAN HOO SEONG CHANG (Kluang).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- „ TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- „ PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- „ TUAN JACOB DUNGAU SAGAN, P.P.B. (Baram).
- „ DATO' DR. HAJI JAMALUDDIN BIN DATO' MOHD. JARJIS, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JIMMY LIM @ JIMMY DONALD (Sri Aman).
- „ TUAN JOSEPH MAUH ANAK IKEH (Selangau).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ DATO' DR. KAMAL BIN SALLEH, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju).
- „ TUAN KAMARUDIN BIN AHMAD (Arau).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).

- Yang Berhormat DR. L. KRISHNAN, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang).
- „ TUAN LAU NGAN SIEW, A.D.K. (Sandakan).
- „ DR. LEE CHONG MENG (Bukit Bintang).
- „ DR. G. LEELAVATHI, A.M.N. (Kapar).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ TUAN VINCENT LIM KUO PHAU (Petaling Jaya Utara).
- „ PUAN LIM LAY HOON, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai).
- „ TUAN LIM SI CHENG, P.I.S. (Senai).
- „ TUAN LIM SIANG CHAI (Petaling Jaya Selatan).
- „ TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM, A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN MANSOR BIN MASIKON (Batu Pahat).
- „ DR. MAXIMUS JOHNITY ONGKILI, A.S.D.K., J.P. (Bandau).
- „ TUAN MD. ISA BIN SABU (Kangar).
- „ TUAN MICHAEL LISA KAYA, B.B.S. (Bukit Mas).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Kubang Kerian).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ABDULLAH (Pasir Puteh).
- „ TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bahru).
- „ DATUK MOHD. SALLEH BIN TUN SAID, P.G.D.K. (Kota Belud).
- „ DATO' HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P. (Larut).
- „ TUAN MOKHTARUDDIN BIN WAN YUSOF (Dungun).
- „ TUN HAJI MUSTAFA BIN MUDA, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K., J.P. (Hulu Terengganu).
- „ TUAN HAJI NIK MOHD. AMAR BIN HAJI NIK ABDULLAH (Pengkalan Chepa).
- „ TUAN NOH BIN OMAR, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ DR. NUNGSARI BIN AHMAD RADHI (Balik Pulau).
- „ DATUK NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Beaufort).
- „ TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).
- „ DR. PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN PAUL NOUTIN, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN PHILIP YONG CHEW LIP, A.D.K. (Gaya).



- Yang Berhormat DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N.,  
B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai).
- „ TUAN RADIN MALLEH (Tenom).
- „ DR. RAMLI BIN TAIB (Kemaman).
- „ MULIA TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K.,  
S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- „ TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- „ PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM, P.P.B. (Santubong).
- „ TUAN RUHANIE BIN HAJI AHMAD, P.I.S. (Parit Sulong).
- „ TUAN SALAMON BIN SELAMAT, S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam).
- „ DR. SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- „ PUAN SERIPAH NOLI BINTI SYED HUSSIN (Sepang).
- „ DATUK S'NG CHEE HUA, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau).
- „ DATUK SONG SWEE GUAN, P.G.D.K. (Bandar Kuching).
- „ CIK SUKINAM DOMO (Batang Sadong).
- „ DATO' HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED, D.J.M.K., J.P. (Machang).
- „ DR. TAN CHONG KENG (Bukit Mertajam).
- „ DR. TAN KEE KWONG (Segambut).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Cheras).
- „ DR. TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ DR. TAN YEE KEW (Kelang).
- „ TUAN TIONG THAI KING (Lanang).
- „ TUAN TUE SI @ CHANG SEE TEN, P.I.S. (Gelang Patah).
- „ WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN, B.K.M. (Pokok Sena).
- „ WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR, P.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- „ TUAN WONG KAM HOONG, K.M.N. (Bayan Baru).
- „ DATO' YAP PIAN HON, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang).
- „ DR. YAP YIT THONG, A.M.P., A.M.N. (Lumut).
- „ DR. YEE MOH CHAI (Tanjong Aru).
- „ TUAN YEONG CHEE WAH (Batu Gajah).
- „ TUAN YUNOF EDWARD MARINGKING (Tuaran).
- „ TUAN YUNUS BIN RAHMAT (Jelebu).
- „ DR. HAJI YUSOF BIN HAJI YACOB, A.D.K. (Sipitang).
- „ TUAN ZAINAL ABIDIN BIN OSMAN (Mersing).
- „ TUAN HAJI ZAINUDDIN BIN HAJI MOHAMAD NOR, S.M.K. (Pasir Mas).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN MOHD. SAID, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K.  
(Kuala Kedah).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat:	Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, D.P.M.T., A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.
Ketua Penolong Setiausaha:	Said bin Sidik.
Pmk. Ketua Penolong Setiausaha:	Abdullah bin Abdul Wahab.
Penolong Setiausaha Kanan:	Zamani bin Haji Sulaiman.

### CAWANGAN DOKUMENTASI

Pegawai Penerbitan:	Azhari bin Hamzah.
Pelapor Perbahasan Parlimen:	Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N. Haji Suhor bin Husin. Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop. Hajah Supiah binti Dewak. Hajah Kalsom binti Ghazali. Mohamed bin Osman. Hajah Norishah binti Mohd. Thani. Zaharah binti Naim. Norwahidah binti Azizi. Rozita binti Abd. Samad. Jainah binti Sakimin. Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop. Shamsina binti Janor.

### CAWANGAN BENTARA

Bentara Mesyuarat:	Lt. Kol. (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib.
--------------------	--

MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

Khamis, 14hb Disember, 1995

Mesyuarat dimulakan pada pukul  
2.30 petang

## DOA

(Timbalan Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Mesyuarat*)USUL MEMINDA SUSUNAN  
URUSAN MESYUARAT  
DI BAWAH PERATURAN  
MESYUARAT 14 (2)**Timbalan Menteri Kewangan (Dato'  
Dr. Affifudin bin Haji Omar):** Tuan Yang  
di-Pertua, saya mohon memaklumkan:

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 14(2), Usul di atas nama Menteri Kewangan yang tertera sebagai No. 3 di dalam Aturan Urusan Mesyuarat pada hari ini hendaklah didahulukan dari Usul No. 2 dan ia akan dibahas sebaik sahaja selesai Rang Undang-undang Kewangan (No. 2) 1995 dibahas dan diputuskan. Manakala Usul No. 2 dinomborkan sebagai No. 7 selepas Rang Undang-undang Perbadanan Pembangunan Bandar (Syarikat Pengganti) 1995.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah suatu Usul seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan itu dikemukakan kepada Majlis untuk diputuskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 14(2), Usul di atas nama Menteri Kewangan yang tertera sebagai No. 3 di dalam Aturan Urusan Mesyuarat pada hari ini hendaklah didahulukan dari Usul No. 2 dan ia akan dibahas sebaik sahaja selesai Rang Undang-undang Kewangan (No. 2) 1995 dibahas dan diputuskan. Manakala Usul No. 2 dinomborkan sebagai No. 7 selepas Rang Undang-undang Perbadanan Pembangunan Bandar (Syarikat Pengganti) 1995.

JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN—  
PERTANYAANSEKTOR PELANCONGAN/  
KEBUDAYAAN/KESENIAN—  
KERJASAMA NEGARA ASEAN

**1. Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan kerjasama ASEAN dalam sektor pelancongan, kebudayaan dan kesenian; dan apakah kejayaannya.

**Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan (Dato' Teng Gaik Kwan):** Tuan Yang di-Pertua, kerjasama di bidang pelancongan di kalangan negara-negara ASEAN telah wujud sejak beberapa tahun yang lalu melalui pertubuhan-pertubuhan seperti ASEAN National Tourism Organisation, ASEAN Tourism Association, Indonesia-Malaysia-Thailand Growth Triangle, SIJORI (Singapore-Johor-Riau) dan Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia-Philippines East Asean Growth Area.

Melalui pertubuhan-pertubuhan ini pelbagai bentuk kerjasama telah dirancang, diwujudkan dan dilaksanakan yang meliputi

perkara-perkara mengenai promosi, penyelidikan, penyebaran maklumat dan latihan. Kerjasama di bidang-bidang berkenaan telah dapat diselaraskan yang akhirnya telah memberi banyak faedah ke arah menonjolkan Asean sebagai suatu destinasi pelancongan yang menarik

Secara khususnya kerjasama melalui IMT-GT dan BIMP-EAGA telah berjaya mewujudkan kerjasama di dalam mempertingkatkan kemudahan fizikal dan kemudahan perjalanan masuk dari segi prosedur imigresen di kalangan negara-negara anggota.

Manakala dalam bidang kebudayaan dan kesenian, kementerian telah mengendalikan projek-projek kebudayaan dan kesenian di bawah Jawatankuasa Kebudayaan dan Penerangan ASEAN (ASEAN-Committee on Culture and Information) atau ASEAN-COCI. Projek-projek ASEAN-COCI yang berkaitan dengan kebudayaan dan kesenian dibahagikan kepada empat kategori, iaitu:

- Seni Tampak (Visual Arts);
- Seni Pentas (Performing Arts);
- kesusasteraan; dan
- Pengajian ASEAN (ASEAN Studies)

Penglibatan kementerian sendiri serta agensi-agensi di dalam projek ASEAN-COCI adalah amat bermakna sekali dan disifatkan sebagai satu kejayaan kerana ia telah memberi peluang kepada pegawai-pegawai, selain daripada orang ramai, untuk melibatkan diri dalam program-program yang berbentuk antarabangsa seterusnya memberi peluang memperkenalkan kebudayaan dan kesenian bangsa dan negara, di samping memperkenalkan kementerian ini sendiri yang mempunyai tanggungjawab sama ada dari segi penggalakan, penyelarasan, pemuliharaan dan perhubungan

kebudayaan di peringkat dalam negeri mahupun antarabangsa.

**Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, dalam kerjasama merangka ASEAN, kita dapat tahu bahawa Tahun Melawat ASEAN telah dilancarkan. Kita ingin tahu sejauh manakah Tahun Melawat ASEAN ini telah memberikan manfaat kepada Malaysia khususnya, sebab kalau kita lihat daripada angka-angka yang terdahulu, apabila Tahun Melawat ASEAN ini diperkenalkan, lebih ramai orang pergi ke Bangkok kerana tujuan-tujuan tertentu daripada datang ke negara kita ini? Itu sahaja.

**Dato' Teng Gaik Kwan:** Tuan Yang di-Pertua, sepertimana saya sebutkan tadi kerjasama masih dijalankan, khususnya pelancongan dengan negara-negara Asia di rantau ini. Mengenai pelancongan, kita masih jalankan juga program ini ke destinasi di beberapa tempat di negara Asean. Kita ada Identify tempat-tempat yang ditentukan dalam program ini.

Lagi satu soalan ialah tentang pergi ke tempat lain, seperti lebih ramai yang pergi ke Thailand daripada melawat Malaysia dan lain-lain negara jiran. Itu saya tak berapa fahamlah. (*Ketawa*)

**Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. mengenai bidang pelancongan ini, saya ingin tahu, kita mempunyai beberapa kawasan pertubuhan segitiga, misalnya, SIJORI, Northern Triangle dan BIMP-EAGA. Saya ingin tahu apakah ada pengkhususan atau pembahagian pengkhususan dalam bidang pelancongan ini, kalau misalnya SIJORI, Pulau Batam diberi tumpuan, kalau misalnya di Northern Triangle ini mungkin Pulau Langkawi diberikan perhatian dan kalau di BIMP-EAGA ini mungkin Mindanao diberikan

perhatian untuk kerjasama pelancongannya. Apakah ini berkesan dalam usaha negara-negara Asean ini dalam bidang pelancongan.

Saya ingin tahu juga, apakah benar kesungguhan kerjasama dalam bidang pelancongan ini berlaku dalam negara-negara Asean ini untuk memajukan beberapa kawasan-kawasan pelancongan yang saya maksudkan tadi.

**Dato' Teng Gaik Kwan:** Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah saya sebutkan tadi, IMT-GT ini boleh dikatakan triangle juga, satu triangle di sebelah utara kita. Ini melibatkan North Sumatera dan utara Kedah dan satu lagi selatan Thailand juga. Selain daripada kita bekerjasama memajukan ekonomi di sebelah sini, kita juga menggalakkan pelancongan di triangle ini dan boleh dikatakan ini amat memuaskan.

#### **PROJEK LRT—PEMBINAAN TEMPAT LETAK KERETA**

**2. Tuan Lim Siang Chai** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) adakah pihak yang berkenaan membina tempat meletak kereta yang cukup di merata stesyen LRT dan bagaimanakah perkembangannya; dan
- (b) berapakah jumlah tempat meletak kereta (car park bay) kan dibina dalam projek LRT.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang berhormat—

- (a) Buat masa ini terdapat dua projek LRT yang sedang dibina oleh dua syarikat berlainan. Projek LRT Sistem I Fasa I dan II dibina oleh Syarikat Sistem Transit Aliran Ringan Sdn. Bhd. (STAR).

Manakala LRT Sistem II dibina oleh Syarikat Projek Usahawan Transit Ringan Automatik Sdn. Bhd. (PUTRA).

Matlamat utama kerajaan meluluskan pembinaan kedua-dua sistem LRT ini ialah untuk mengurangkan masalah kesesakan lalu lintas yang sedang dihadapi oleh Bandaraya Kuala Lumpur khususnya dan Lembah Kelang amnya. Bagi mengurangkan bilangan kenderaan persendirian daripada memasuki bandar raya, maka projek LRT ini dibina dan stesen-stesen yang tertentu akan disediakan dengan tempat letak kereta.

Setakat ini projek LRT Sistem I Fasa I (STAR) sedang menyiapkan pembinaan tempat letak kereta di lima buah stesen, dalam kawasan Ampang, iaitu Stesen Ampang, Stesen Cahaya, Stesen Cempaka, Stesen Pandan Indah dan Stesen Pandan Jaya. Sejumlah 1,125 petak letak kereta akan disediakan di stesen-stesen ini. Stesen-stesen di dalam kawasan Wilayah Persekutuan pula tidak disediakan tempat letak kereta kerana di samping kesukaran mendapatkan tanah untuk dijadikan tempat letak kereta, adalah untuk tidak menambahkan lagi kemudahan meletak kereta khususnya di kawasan bandar raya. Kemudahan yang disediakan di stesen-stesen LRT di dalam Wilayah Persekutuan hanyalah kemudahan menurunkan penumpang bagi kenderaan awam sahaja.

Bagi Fasa II (STAR) ada stesen-stesen LRT yang dibina secara bersepadu dengan projek-projek yang lain, seperti di Bandar Tasek

Selatan, Pusat Sukan Negara dan Komanwel yang mana tempat meletak kereta disediakan oleh pihak pemaju di kawasan itu.

Bagi LRT Sistem II (PUTRA) pula, projek ini masih dalam peringkat pembinaan. PUTRA akan menyediakan kemudahan meletak kereta tiga buah stesen iaitu di Stesen People's Park, Stesen Dato' Keramat dan Terminal Gombak dengan jumlah sebanyak 1,500 petak letak kereta. Kemudahan ini membolehkan pengguna memandu kenderaan mereka ke stesen dan meninggalkan kenderaan mereka di stesen tersebut seterusnya meneruskan perjalanan mereka dengan menggunakan LRT. Walau bagaimanapun, buat masa ini pihak PUTRA masih belum memulakan kerja-kerja pembinaan bagi kemudahan tempat kereta ini.

- (b) Jawapan kepada soalan (b) telah pun saya sebutkan dalam jawapan (a) tadi.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Tuan Yang di-Pertua, saya yakin rakyat menunggu dengan pelaksanaan LRT I dan II ini dengan satu debaran kerana mereka mahu dilaksanakan dengan secepat mungkin. Namun demikian, persoalan yang ingin saya bangkitkan, adakah kerajaan akan mengawal tiket-tiket yang akan dikenakan kepada LRT I dan II. Adakah kerajaan akan memastikan supaya quantum atau kadar tiket ini akan menjadi satu tahap yang tidak akan membebankan masyarakat yang tinggal di Kuala Lumpur ini?

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan akan mengawal harga tiket yang akan dikenakan kepada orang ramai supaya semua harga tiket yang dikenakan adalah di dalam kemampuan kepada semua pengguna

yang menggunakan sepanjang laluan LRT ini. Oleh kerana itu, Ahli Yang Berhormat jangan bimbanglah, kerajaan akan sentiasa mengambil berat terhadap nasib pengguna-pengguna ataupun rakyat khususnya yang akan menggunakan LRT ini.

**Tuan Yunus bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, dengan penyediaan tempat-tempat letak kereta yang akan dibuat, adakah syarikat yang tertentu akan mengendali dan mengusahakan tempat letak kereta tersebut dan adakah bayaran akan dikenakan kepada pemilik-pemilik kenderaan yang akan meletakkan kereta lebih daripada masa yang ditentukan.

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Tuan Yang di-Pertua, tempat letak kereta ini akan dikendalikan oleh Sistem STAR dan juga PUTRA, sama ada mereka akan menswastakan pula, itu belum diputuskan lagi. Walau bagaimanapun, bagi kereta yang meletakkan kereta mereka, sudah tentu akan dikenakan sedikit bayaran yang munasabah bagi membolehkan kereta ini tidak diletak secara berpanjangan kecuali waktu-waktu masa yang diperlukan sahaja.

#### INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI— CADANGAN PENUBUHAN DI PERLIS

3. **Tuan Kamarudin bin Ahmad** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) memandangkan negeri Perlis adalah kawasan yang strategik untuk pembangunan Industri Pelajaran disebabkan suasana yang damai, pasaran yang mudah dihubungi dengan jalan darat dari Semenanjung Malaysia, Negeri Thailand, Laos, Burma dan Kemboja; dan dengan adanya pengkhususan industri ini, rakyat di negeri ini dan negerijiran mendapat manfaat dari rangkaian ekonomi yang

dihasilkan. Adakah kerajaan melalui Kementerian Pendidikan bersedia untuk mengkaji bagi menggagaskan beberapa Institusi Pengajian Tinggi, Maktab dan Pusat Latihan di negeri tersebut; dan

- (b) berapakah jumlah wang yang dikeluarkan ke negara asing khususnya untuk perbelanjaan pendidikan di luar negeri yang ditaja oleh Jabatan Perkhidmatan Awam, MAA, Petronas, Tenaga Nasional, Telekom Malaysia dan agensi-agensi lain setiap tahun. Adakah mungkin perbelanjaan ini dimanfaatkan di dalam negara.

**Timbalan Menteri Pendidikan (Dato' Dr. Fong Chan Onn):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Malaysia pada masa ini telah pun mempunyai 9 buah universiti di mana kedudukannya adalah meliputi keseluruhan wilayah/geografi, termasuk Sabah dan Sarawak. Selain dari itu, Institut Teknologi Mara (ITM) juga telah mempunyai kampus cawangan di seluruh negeri kecuali Wilayah persekutuan dan Negeri Sembilan, manakal Kolej Tunku Abdul Rahman pula mempunyai kampus cawangan di Pulau Pinang dan di Segamat, Johor.

Begitu juga dengan adanya UUM dan USM yang dapat mengambil kira keperluan bagi utara Semenanjung Malaysia. Dengan itu, Kementerian Pendidikan berpendapat bahawa kedudukan institusi pendidikan tinggi berkenaan sudah memadai, dan buat masa ini tidak mempunyai rancangan untuk menubuhkan lagi institusi pendidikan tinggi di negeri Perlis.

- (b) Jumlah wang yang terlibat bagi membiayai penajaan pelajar-pelajar di luar negara oleh JPA

bagi tempoh antara tahun 1985-1995 meliputi biasiswa dan pinjaman pelajaran adalah sebanyak RM3.2 juta di mana RM2.8 juta untuk biasiswa dan RM354 ribu untuk pinjaman.

**Tuan Noh bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada jumlah yang dinyatakan tadi, itu adalah jumlah pelajar-pelajar yang ada penaja masing-masing. Saya ingin tahu, adakah pihak kementerian mempunyai rekod ataupun dapat mengesan jumlah perbelanjaan yang digunakan oleh pelajar-pelajar persendirian yang belajar di luar negeri dan apakah langkah-langkah yang diambil supaya pelajar bersendirian ini tidak terlalu ramai melanjutkan pelajaran ke luar negeri.

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, dari segi keseluruhannya lebih kurang 60,000 pelajar Malaysia sedang mengikuti pendidikan tinggi di luar negara dan adalah dianggarkan setiap tahun perbelanjaan negara atas pendidikan kepada pelajar-pelajar yang berada di luar negara adalah dalam lingkungan RM2 bilion hingga RM3 bilion.

Tentang sama ada kita boleh kawal bilangan pelajar-pelajar yang melanjutkan pendidikan mereka di luar negara, falsafah kerajaan dan falsafah Malaysia ialah kita mengamalkan prinsip-prinsip ekonomi yang bebas iaitu setiap individu boleh memenuhi keperluan mereka di mana-mana pun dan kita tidak akan menghalang mereka, namun demikian, kita akan memperluaskan dan memperbanyakkan kolej-kolej, khususnya kolej swasta di dalam negara kita untuk meramaikan pelajar-pelajar yang boleh mendapat pendidikan tinggi di dalam negeri.

**Tuan Ong Tin Kim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah memberi angka pelajar-pelajar yang telah

ditaja oleh agensi-agensi kerajaan (Perkhidmatan Awam) seperti MARA, Petronas dan Telekom bagi perbelanjaan pendidikan luar negeri. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi pecahan angka-angka biasiswa yang telah diberi oleh MARA, Petronas, Tenaga Nasional dan Telekom Malaysia.

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, boleh dan saya akan menjawab secara bertulis.

#### **KEPADATAN PERUMAHAN— PELONGGARAN PERATURAN**

**4. Tuan Robert Lau Hoi Chew** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) sama ada dapatkah dilonggarkan peraturan mengenai 'density' rumah-rumah yang dibina di kawasan tanah bandar yang mahal seperti "house-set-back rules" dan lain-lain lagi agar kenaikan kadar harga rumah dapat diturunkan di kawasan-kawasan bandar.
- (b) kenaikan kadar harga rumah di Kuala Lumpur dan bandar-bandar utama di seluruh negara dalam masa 1993, 1994 dan 1995 dan langkah-langkah yang diambil untuk mengelakkan kenaikan ini; dan
- (c) sama ada Kerajaan Persekutuan dapat menyediakan pinjaman pembinaan perumahan kepada penduduk-penduduk luar bandar yang membina rumah-rumah panjang dan kampung seperti di Negeri Sarawak.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Mohd Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali):** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan:

- (a) Kepadatan (density) perumahan dan lain-lain perincian pembangunan termasuk anjakan-anjakan di kawasan bandar lazimnya digariskan di dalam rancangan tempatan yang disediakan bagi kawasan pihak berkuasa tempatan mengikut peruntukan Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976—Akta 172. Dalam menentukan kepadatan sesuatu kawasan, faktor-faktor keluasan tanah yang masih ada, dengan izin, land availability, nilai pasaran tanah dan keperluan unit perumahan semasa dan akan datang diambil kira. Dalam hubungan ini sekiranya pihak berkuasa tempatan telah mewartakan rancangan tempatan maka setiap pembangunan perlu mematuhi keperluan-keperluan yang terkandung di dalam rancangan tempatan tersebut. Dalam keadaan di mana rancangan tempatan belum disediakan bagi kawasan pihak berkuasa tempatan maka piawai perancangan digunakan sebagai panduan meluluskan permohonan perancangan. Perlu ditekankan di sini bahawa keperluan di dalam piawai merupakan keperluan minimum dari perspektif prinsip-prinsip perancangan bandar dan bagi memenuhi hak keperluan dari aspek sosial dan kualiti kehidupan manusia.
- (b) Mengikut kajian awal oleh kementerian ini terdapat kenaikan kadar harga rumah sebanyak 30% bagi rumah kediaman dan perniagaan di Kuala Lumpur dan Lembah Kelang sekitar tahun 1994 dan 1995. Di antara langkah-langkah yang telah diambil bagi mengurangkan peningkatan harga rumah ialah membendung spekulasi melalui penyusunan semula struktur cukai keuntungan hartanah. Kadar pinjaman



perumahan juga telah dihadkan bagi pinjaman yang mempunyai unsur-unsur spekulasi. Pembelian oleh warganegara asing telah dikenakan levi bagi mengurangkan persaingan dan tekanan ke atas harga tanah.

- (c) Kerajaan sedia menimbangkan pinjaman dalam pembinaan rumah kos rendah sama ada rumah-rumah yang berbentuk kampung, dengan izin, conventional, atau rumah panjang, jika ada permohonan dari kerajaan Negeri Sarawak.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:**

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya dengan Timbalan Menteri adakah benar iaitu houses-set-back ini walaupun ada, kerap kali di cerobohi oleh pihak-pihak pemaju perumahan dan bangunan. Dan denda yang dikena adalah tidak mencerminkan, dengan izin, the seriousness of breach. Jadi, apakah tindakan kementerian supaya kesalahan-kesalahan yang dilakukan berhubung dengan set-back ini mencerminkan kesalahan-kesalahan dan keuntungan yang diraih oleh pihak pemaju berkenaan.

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd.**

**Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, memang adakadangkala pemaju-pemaju yang tidak bertanggungjawab dan mengambil kesempatan dan kita sedar kadangkala bagi mereka denda-denda yang dikenakan itu agak tidak mencukupi bagi mengelakkan mereka tidak melakukan perkara-perkara yang telah mereka lakukan. Bagaimanapun ingin saya tegaskan bahawa seandainya kita dapati ada mereka yang sengaja melanggar syarat-syarat yang dikenakan oleh kerajaan maka mereka juga akan menghadapi tindakan 'black listing', iaitu mereka tidak akan diberikan lagi lesen pemaju di masa-masa yang akan datang.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, pembinaan rumah ini di antaranya mengikut kuota kepada

bumiputera. Rumah-rumah dibina begitu mahal lalu bumiputera tidak dapat memenuhi kuota-kuota tersebut. Dalam Dewan Undangan Negeri Kedah baru-baru ini diakui oleh Menteri Besar iaitu bila kuota bumiputera tidak dapat dipenuhi, maka orang-orang bukan bumiputera diangkat martabat menjadi bumiputera-Cina bertukar menjadi Melayu, kerana orang Melayu tidak mampu beli. Apakah dasar kerajaan tidak dipertegaskan dari segi komposisi supaya bumiputera dapat membeli rumah dengan harga yang mereka mampu. Dengan harga rumah yang begitu mahal menyebabkan orang bukan bumiputera terpaksa diangkat menjadi bumiputera untuk boleh membeli kuota bumiputera. Jadi, kita minta terangkan dasar ini.

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd.**

**Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang saya di sini pun tidak faham. Kerana pembangkang ini sepatutnya sekata dan sehaluan, tetapi bila ia bersuara berlainan sekali. Kalau DAP yang soal ia tanya kenapa simpan lama, tidak dikeluarkan kepada bukan bumiputera?

Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja kita mengehadkan kuota dan kita minta kuota ini dipegang oleh pemaju selama 6 bulan bagi pihak bumiputera tetapi juga ada sesetengah pemaju yang memberikan potongan harga sebanyak 5% hanya untuk membolehkan bumiputera membeli rumah-rumah di dalam kawasan-kawasan yang berkenaan. Tetapi sukacita saya maklumkan kepada Ahli Yang Berhormat kalau misalnya di Kuala Lumpur ini kita bina 1,000 biji rumah murah, yang datang minta rumah murah ini bukan 1,000 orang tetapi mungkin 10,000 sebagaimana yang berlaku di Johor. Hanya untuk memberi borang pun sampai bergaduh. Tetapi bagi kawasan-kawasan, misalnya yang nilai tanahnya tinggi, maka sudah tentulah tidak ramai bumiputera yang sanggup untuk membeli rumah di kawasan tersebut. Jadi, bagi kawasan-kawasan yang tersebut

sahajalah maka pihak pemaju terpaksa memegang bagi pihak bumiputera selama 6 bulan dan apabila kerajaan negeri berpuas hati bahawa pemaju telah mengambil segenap usaha untuk menjual rumah-rumah ini kepada bumiputera, tetapi tidak ada bumiputera yang mahu membeli rumah ini, maka barulah dilepaskan syarat ini daripada pemaju berkenaan.

Bagaimanapun sekiranya Ahli Yang Berhormat ada fakta-fakta ataupun situasi-situasi yang tertentu, sila laporkan kepada kementerian dan kita sedia mengambil tindakan.

#### TOL DARI SUNGAI BESI-SEREMBAN—KADAR BARU

5. **Tuan Yunus bin Rahmat** minta Menteri Kerja Raya menyatakan adakah kementerian sedar bahawa PLUS telah menaikkan kadar bayaran tol tanpa kelulusan kerajaan dari kadar lama ke baru (misalnya dari Sg. Besi - Seremban dari RM3.60 kepada RM4.10) dan menyatakan berapakah jumlah kutipan diperolehi oleh PLUS sejak kenaikan ke kadar baru berkenaan.

**Menteri Kerja Raya (Dato Seri S. Samy Vellu):** Tuan Yang di-Pertua, ingin dimaklumkan bahawa PLUS berhad tidak menaikkan kadar bayaran tol baru-baru ini. Tambahan tol sebanyak RM0.60 sen (bagi kereta) yang dipungut dari pengguna-pengguna lebuh raya yang melalui Plaza Tol Sungai Besi bukan dikenakan oleh PLUS Bhd, tetapi adalah tol yang dikenakan oleh Syarikat Konsesi Metramac Corporation Sdn. Bhd bagi projek penswastaan melebar dan menaikkan taraf jalan dari Plaza Tol Sungai Besi ke Persimpangan Bertingkat Kelang Lama dan ke Persimpangan Bertingkat Jalan Lapangan Terbang.

Bagi tidak membebaskan pengguna untuk berhenti membayar tol, kerajaan tidak membenarkan Metramac Corporation Sdn. Bhd. membina plaza

tol sebelum Plaza Tol PLUS berhad di Sungai Besi. Sebaliknya pihak PLUS Berhad telah dibenarkan untuk mengutip tol bagi pihak Metramac Corporation.

**Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meminta penjelasan dari Yang Berhormat Menteri, kenapakah Metramac diberikan hak mengutip tol sedangkan pada hakikatnya jalan berkenaan belum lagi siap? Buat masa ini, di jejambat yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, dibuat satu lencongan dan pada lencongan ini yang saya lihat dengan mata kepala saya sendiri sebab saya berulang-alik menggunakan jalan yang sama, pada 2hb Disember, satu lori terbalik, 5hb Disember satu lagi, 11hb Disember satu lori terbalik, semalam depan mata saya, 13hb Disember satu Proton terbalik lagi.

Jadi, kenapakah jalan belum siap, tol telah dikenakan?

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya jalan telah siap dibina. Selepas itu jugalah kita telahewartakan tol boleh dikutip ke atas jalan raya itu tetapi kerja-kerja yang sedang dijalankan itu bukanlah bagi pihak Metramac. Itu daripada dua syarikat yang lain, suka juga menyambung dengan Jalan Utara-Selatan untuk mendapat laluan daripada jalan itu. Jadi, Metramac tidak ada apa-apa hubungan dengan dua persimpangan bertingkat yang sedang dibina di atas jalan itu. Ini pertama.

Yang kedua, lori terbalik saya pun tahu juga. Jikalau lori ikut dengan laju yang dihadkan, tidak akan terbalik. (*Ketawa*) Lori menggunakan jalan itu dengan laju, 120 kilometer sejam. Macam itu, dia jalan dengan laju seperti itu mesti terbaliklah. (*Ketawa*)

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri. Memandangkan jawapan tadi bahawa tol hanya dikutip

apabila Metramac menghabiskan kerja melebarkan lebuh raya, adakah ini bermakna memandangkan ada kerja-kerja tambahan, tol akan ditambah lagi untuk syarikat-syarikat yang lain yang berkenaan? Harap Menteri boleh memberikan penjelasan.

Sebagai susulan, adakah Metramac ini mendapat kontrak melebarkan lebuh raya secara negotiated tender atau secara tender terbuka dan kalau bukan tender terbuka, bagaimana perkara ini boleh berlaku?

**Dato' Seri S.Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, walaupun perkara-perkara ini tidak berkaitan dengan kementerian saya, ini masuk dalam Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Banyak di antara kontrak-kontrak itu telah ditandatangani oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk penswastaaan, pada akhirnya tanggungjawab oleh Menteri Kerja Raya. Oleh kerana Menteri Kerja Raya sahajalah mempunyai kuasa untuk mengadakan apa-apa undang-undang baru berkenaan kutipan tol.

Jadi, jawapan kepada Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, mereka telah diberi satu kontrak. Buka sahaja dari Sungai Besi ke persimpangan bertingkat di Kelang Lama tetapi mereka telah memperbaiki beberapa jalan iaitu Jalan Sungai Besi, Jalan Cheras, Jalan Tun Razak dan lain-lain. Ini menjadi sebahagian daripada kontrak yang telah ditandatangani di antara Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dengan Metramac.

Jadi, soalan yang ketiga berkenaan dengan jalan-jalan baru akan disambung dengan jalan itu, tidak ada kaitan dengan Metramac. Metramac tidak boleh mengutip tol atas itu tetapi syarikat yang membina jalan baru, jikalau ada orang suka melalui juga jalan baru itu dan menggunakan jalan baru itu, mesti kena bayar. *(Ketawa)*

## TANAH RUNTUH— UNDANG-UNDANG PENCEGAHAN

**6. Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd Jarjis** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan tentang:

- (a) apakah undang-undang yang ada sekarang telah cukup untuk mengelakkan kejadian tanah runtuh atau apakah pelaksanaan yang ada sekarang tidak mencukupi; dan
- (b) sikap tidak bertanggungjawab sesetengah pemaju yang tidak menghiraukan akibat tindakan mereka seperti mengganggu sistem perparitan yang sedia ada telah menyebabkan banjir di kawasan yang tidak seharusnya berlaku. Apakah tindakan pihak berkuasa untuk mengatasi masalah ini.

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Di sesi yang lalu, Parlimen telah pun meluluskan pindaan kepada Akta Perancangan Bandar dan Desa bertujuan memperkukuhkan undang-undang yang ada untuk mengelakkan berlakunya kejadian tanah runtuh. Sehubungan dengan itu, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah mengarahkan semua pihak berkuasa tempatan untuk menjalankan pemeriksaan dari masa ke semasa untuk memastikan pelaksanaan undang-undang tersebut berjalan dengan lancar.
- (b) Untuk memastikan bahawa sesuatu bangunan tidak mengganggu sistem perparitan yang sedia ada bagi mengelakkan banjir, pihak berkuasa tempatan kini mewajibkan pemaju melaksanakan terlebih dahulu kerja-kerja

penyediaan saluran, penyediaan dan penyenggaraan kolam takungan hujan dan perangkap lumpur sebelum memulakan kerja-kerja pembinaan.

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ini berkenaan dengan bahagian (b), iaitu banjir. Sekiranya banjir didapati adalah kerana kecuaiannya pemaju seperti soalan asal yang dikatakan, perparitan yang sedia ada disumbat atau ditutup dan ini mengakibatkan banjir di satu-satu kawasan perumahan. Bolehkah setelah disiasat dan dipastikan bahawa banjir ini telah disebabkan oleh pemaju yang cuai ini dan kerajaan membuat satu kenyataan yang umum dan rasmi supaya tuan-tuan punya rumah atau tuan-tuan punya kedai boleh menuntut kerugian dari pemaju ini di mahkamah sekiranya dia dapat satu sijil atau satu surat rasmi atau umum dari kerajaan tempatan membuktikan banjir ini telah diakibatkan oleh pemaju yang cuai ini dan boleh menuntut kerugian dari pemaju. Adakah kerajaan sedia maklum demikian

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Ahli Yang Berhormat sendiri tentu sedar jawapan yang saya akan jawab kerana kalau kita hendak keluarkan statement dan selepas itu kita minta supaya pemaju bayar kepada semua mereka yang terlibat, sudah tentulah ini merupakan satu perkara yang agak susah dan sukar untuk dibuat oleh kementerian.

Bagaimana pun tugas kementerian ialah untuk memastikan bahawa tidak ada mereka yang teraniaya seandainya ada projek-projek yang menyebabkan kesusahan kepada orang ramai dan kita dapati bahawa masalah ini sebenarnya berpunca dari kelemahan pemaju sendiri.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, sama ada pemaju terpaksa membayar atau tidak ini boleh kita rundingkan dan kalau misalnya ada pihak-pihak yang tidak bersetuju

dengan pandangan dari kementerian, sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, mereka boleh mengambil tindakan mahkamah kepada pemaju yang berkenaan.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd Jarjis:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi, Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri ada menyatakan bahawa kerajaan baru-baru ini telah mengukuhkan akta bagi mengawasi permasalahan-permasalahan seperti tanah runtuh dan banjir.

Namun demikian, kita dengar kadang-kadang permasalahan yang timbul bukan sahaja dari segi tidak kukuh atau tidak lengkapnya peraturan dan akta tetapi kadang-kadang perkara ini timbul kerana pengawasan dan ia berbangkit kadang-kadang dari kurang tenaga terutamanya tenaga mahir dari kerajaan tempatan dan majlis. Apakah kerajaan akan menimbang mengukuhkan jentera pengawasan di majlis-majlis atau di kerajaan-kerajaan tempatan ini menambahkan tenaga mahir, memastikan supaya pengawasan yang lebih tinggi dapat dibuat supaya perkara-perkara seperti banjir dan tanah runtuh ini tidak berlaku lagi di masa-masa akan datang?

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, soalan dan juga pandangan Yang Berhormat tadi sebenarnya boleh dilaksanakan oleh pihak berkuasa tempatan yang besar misalnya Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Majlis Perbandaran Johor Bahru, Majlis Perbandaran Ipoh, Bandar Raya Pulau Pinang. Saya rasa tidak ada masalah bagi pihak berkuasa tempatan yang besar untuk mengawasi projek-projek yang dilaksanakan di dalam kawasan mereka.

Tetapi bagi pihak berkuasa tempatan yang kecil, misalnya Port Dickson, Teluk Kemang, di Cameron Highlands sendiri ataupun kawasan saya di Gerik, kemungkinan besar pihak berkuasa

tempatan ini tidak mampu untuk menyediakan jawatan-jawatan yang agak senior ataupun kanan seperti jurutera kanan dan sebagainya untuk menguasai projek-projek yang disebutkan tadi.

Maka di sinilah kita menggalakkan kepada pemaju-pemaju ataupun mereka yang hendak menjalankan projek-projek mengambil kepakaran daripada jurutera-jurutera perunding yang ada di negara kita ini. Kita berharap dengan adanya kepakaran jurutera perunding dan pengawasan daripada pihak berkuasa tempatan yang saya maksudkan tadi, maka bolehlah kita melaksanakan projek ini dengan lebih berkesan dan jaya.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya untuk menjawab soalan Yang Berhormat tadi, saya telah pun tersedia di sini sebanyak 6 muka surat dan saya akan hantarkan kepada Ahli Yang Berhormat sekejap lagi untuk rujukan Ahli Yang Berhormat.

#### AIR MINERAL—CADANGAN MENGEHADKAN HARGA JUALAN

7. **Tuan Mansor bin Masikon** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan:

- (a) mengapakah harga air mineral yang dikeluarkan oleh syarikat-syarikat di Malaysia dijual dengan harga dua kali ganda harga minyak petrol tanpa plumbum. Misalnya, air mineral 500 ml. dijual dengan harga RM1.30; dan
- (b) adakah kementerian bercadang untuk mengkaji dan mengehadkan harga jualan air mineral ini memandangkan pengeluarannya amat rendah dibandingkan dengan kos pengeluaran petrol.

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Dato' S. Subramaniam):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pada masa ini, harga air mineral, sama ada yang dikeluarkan oleh syarikat-syarikat tempatan ataupun yang diimport dari mana-mana negara lain tidak termasuk di bawah senarai barang-barang yang harganya dikawal oleh kerajaan.
- (b) Bekalan air di negara ini dikenal pasti selamat dan penggunaan air mineral sebagai alternatif adalah tidak diperlukan. Atas sebab itu, kementerian tidak bercadang untuk mengkaji dan mengehadkan harga jualan air mineral.

**Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Apakah jaminan apabila seseorang itu membeli sebotol air mineral bahawa air mineral yang dikeluarkan di Malaysia itu adalah betul-betul air mineral ataupun hanya air bateri, distilled water?

**Dato' S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, air yang dijual adalah dua jenis, pertama airnya ialah air mineral semula jadi. Satu lagi adalah air minuman berbungkus. Yang pertama itu adalah natural mineral water yang diluluskan oleh Kementerian Kesihatan. Air minuman berbungkus itu puncanya berbeza-beza, antaranya ialah air suling, air bertapis atau distilled and filtered water, termasuk juga air yang dibekalkan oleh Jabatan Bekalan Air disuling atau ditapis. Tanda-tanda atau penjelasan mengenai air itu ada terkandung di dalam label di atas mineral water yang dijual.

Tentang mutu air mineral semula jadi, ini adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Kesihatan yang membuat pemeriksaan kawalan mutu bagi memastikan air itu benar-benar daripada punca air yang diluluskan oleh kementerian dan mematuhi peraturan di bawah kementerian itu.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, betulkah air mineral ini baik untuk kesihatan atau ia hanya satu kempen semata-mata kerana ianya diminum oleh orang besar-besar, ahli sukan dan sebagainya, maka dianggap baik, sedangkan orang-orang kampung yang minum air sungai dan air telaga yang dimasak, orang Padang Terap misalnya, hidup sampai 75 tahun atau 80 tahun, kuat! (*Ketawa*)

Jadi, kita bimbang bahawa air mineral dan sebagainya hanya satu kempen sahaja, ia bukan betul-betul memberi manfaat. Misalnya dahulu, minuman 'Sudi' cukup terkenal, tetapi apabila Sudirman jatuh sakit begitu, 'Sudi' pun tutup. Ertinya, lakunya 'Sudi' kerana Sudirman, bukan kualiti yang ada dalam minuman tersebut.

Begitu juga air mineral ini, kerana ia diminum oleh orang elit dan orang besar, maka ia kononnya minuman yang baik, sedangkan air telaga dan air sungai yang dimasak itu adalah lebih baik. Jadi, adakah ia....

**Beberapa Ahli:** Soalan! Soalan!

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Tunggulah sekejap! (*Disampuk*) Adakah air mineral ini betul-betul baik ataupun orang minum kerana kempen yang dijalankan oleh para penjual?

**Dato' S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, saya fikir Ahli Yang Berhormat tidak faham jawapan tadi. Saya telah jawab tadi dengan menyebut bahawa bekalan air di negara ini dikenal pasti selamat dan penggunaan air mineral sebagai alternatif adalah tidak diperlukan. Itulah jelas sebagai jawapan kepada apa yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat sebagai soalan tambahan.

#### MAHKAMAH SYARIAH— MENAİK TARAF

**8. Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof** minta Perdana Menteri menyatakan bilakah Mahkamah Syariah dapat dinaikkan taraf setaraf Mahkamah Sivil.

**Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah):** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sedaya upaya ingin melihat Mahkamah Syariah setanding dengan Mahkamah Sivil. Antara langkah yang telah dilaksanakan ialah berusaha mengasingkan pentadbiran Mahkamah Syariah daripada Jabatan Agama Islam Negeri-negeri serta menyusun struktur mahkamah kepada tiga peringkat iaitu Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan Syariah.

Bagi maksud mempertingkatkan kewibawaan Mahkamah Syariah, kerajaan telah membuat pindaan Perlembagaan Persekutuan, Perkara 121(1)(a) yang memberi kuasa eksklusif kepada Mahkamah Syariah, di mana Mahkamah Sivil tidak layak lagi mendengar dan memutuskan kes-kes yang diletakkan di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah.

Dari sudut kepegawaian di Mahkamah Syariah, kerajaan telah mewujudkan satu skim yang dinamakan Skim Pegawai Syarie. Mereka yang dilantik adalah dari kalangan pegawai yang mempunyai kelayakan di bidang syariah dan undang-undang Islam serta Diploma Pentadbiran Kehakiman dari UIA.

Pada masa ini, langkah-langkah yang diambil adalah menuju ke arah meletakkan taraf Mahkamah Syariah setaraf dengan Mahkamah Syariah dengan Mahkamah Sivil. Matlamat kerajaan ialah untuk melihat sistem penghakiman di Mahkamah Syariah lebih berkesan lagi.

**Tuan Noh bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan bilangan penceraian semakin meningkat di negara kita dan penceraian juga dikehendaki dibuat di Mahkamah Syariah serta kita sering mendengar aduan di mana Mahkamah Syariah selalu lambat memberikan keputusan-keputusan ke atas kes-kes penceraian, apakah langkah kementerian mengatasi masalah ini?

**Dato' Haji Muhamad bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, apabila kita melihat perjalanan mahkamah keseluruhannya, sama ada mahkamah itu adalah Mahkamah Syariah ataupun Mahkamah Sivil, kita tidak boleh menafikan bahawa kedua-dua mahkamah ini banyak terdapat kes-kes yang lewat.

Yang terhormat sendiri tahu, Mahkamah Sivil ada beribu-ribu kes yang berpuluh-puluh tahun belum diselesaikan. Maka, inilah fenomena mahkamah di seluruh dunia. Tetapi bagi Mahkamah Syariah, apabila kedapatan perkara ini, kita telah mengambil beberapa langkah yang saya nyatakan tadi, di antaranya kerana terdapat kelewatan. Sebab itulah, kita masih berikhtiar lagi supaya perkara-perkara lain seperti menambahkan kakitangan dan juga memberikan latihan yang cukup kepada pegawai-pegawai syarie supaya mereka lebih cekap menjalankan kerja dan juga apabila ramai kakitangan dan hakim-hakim mahkamah, saya percaya perkara-perkara yang dinyatakan tadi dapat diatasi dengan lebih baik lagi.

**Tuan Kamarudin bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan banyak hikmah jika Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil diletakkan dalam satu kawasan atau sempadan (boundary) ataupun yang berdekatan, adakah kerajaan pada masa akan datang bercadang meletakkan kedua-dua mahkamah itu berhampiran di dalam satu kawasan supaya guna sama kakitangan dan sebagainya dapat diatasi ataupun dapat digunakan?

**Dato' Haji Muhamad bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu cadangan yang baik. Memang hasrat kerajaan untuk memberi kesenangan kepada seluruh rakyat. Bukan sahaja kalau boleh kita mendekatkan dalam satu kawasan di antara Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil, bahkan jabatan-

jabatan yang berkaitan dengan mahkamah misalannya Jabatan Polis dan sebagainya kalau boleh kita letakkan berhampiran, juga merupakan satu perkara yang baik. Saya kira perkara ini akan mendapat perhatian yang serius daripada pihak kerajaan.

### SARAWAK—PROMOSI PELANCONGAN/INTEGRASI NASIONAL

**9. Tuan Michael Lisa Kaya** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan:

- (a) jumlah pelancong dari negara asing dan pelancong tempatan yang melawat negeri Sarawak pada tahun 1994 dan 1995 dan pecahan mengikut negara asal mereka;
- (b) jumlah perbelanjaan pelancong-pelancong individu mengikut negara asal mereka; dan
- (c) rancangan kerajaan untuk meningkatkan jumlah pelancong dalam negeri untuk melawat negeri Sarawak supaya dapat memupuk semangat integrasi nasional di kalangan semua kaum di Malaysia.

**Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan (Dato' Teng Gaik Kwan):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Angka ketibaan pelancong asing yang melawat Sarawak hanya diperolehi setakat bulan Februari 1995 ialah seramai 36,990 orang dengan tahun 1994 seramai 247,420 orang pelancong asing telah tiba ke Sarawak. Ini merupakan peningkatan sebanyak 24.4% berbanding 198,900 orang pada tahun 1993. Pelancong dari Brunei seramai 132,750 orang dan Singapura seramai 24,130 orang

merupakan penyumbang terbesar pelancong asing ke Sarawak dalam tahun 1994. Ini diikuti oleh United Kingdom dan Ireland seramai 12,590 orang, Indonesia seramai 12,069 orang; Australia dan New Zealand seramai 8,117 orang; Taiwan seramai 7,759 orang; Jepun 5,909 orang; Amerika Syarikat seramai 4,873 orang; Filipina seramai 4,449 orang dan Kanada seramai 2,297 orang.

Buat masa ini kementerian dengan kerjasama Jabatan Imigresen Malaysia sedang berusaha untuk menyelaraskan pengumpulan data ketibaan pelancong tempatan ke Sarawak.

- (b) Purata tertinggi perbelanjaan perkapita pelancong-pelancong individu ke Sarawak pada tahun 1994 dicatat ialah: Taiwan pada kadar RM3,160 seorang. Ini diikuti oleh United Kingdom RM2,956 seorang; Amerika Syarikat RM2,640 seorang; Australia RM2,395 seorang; Jepun RM2,369 seorang; Hongkong RM2,280 seorang; Kanada RM2,272 seorang; Thailand RM1,575 seorang; Filipina RM1,446 seorang; Singapura RM1,237 seorang; Indonesia RM1,227 seorang dan Brunei Darussalam RM1,210 seorang.
- (c) Penggalakan pelancong dalam negeri adalah merupakan salah satu matlamat utama kerajaan dalam memajukan industri pelancongan negara. Dalam hubungan ini, kerajaan negeri dan pihak-pihak swasta yang terlibat termasuk negeri Sarawak adalah digesa supaya mengenal pasti dan membangunkan produk-produk yang boleh dijadikan pakej yang boleh memenuhi cita rasa semua peringkat rakyat di negara ini.

Bagi negeri Sarawak, di antara langkah yang telah diambil bagi meningkatkan kedatangan pelancong dalam negeri ialah:

- (i) pelancong daripada lain-lain negeri tidak perlu lagi menggunakan dokumen perjalanan, memadai dengan hanya membawa kad pengenalan sahaja.
- (ii) pihak MAS telah memberikan kadar tiket istimewa bagi pelancong secara berkumpulan dan menginap di Sarawak bagi tempoh tertentu.
- (iii) pihak yang terlibat dengan pelancongan sentiasa diundang bagi mengadakan promosi dan upacara-upacara di peringkat kebangsaan seperti Pesta Malaysia, sambutan Hari Kebangsaan, Sukan Malaysia dan sebagainya.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, Sarawak mempunyai tarikan yang istimewa; sungai yang besar di Batang Lupar, buaya yang besar-Bujang Senang; gua yang besar-Gua Mulu; bunga yang besar, sungai yang panjang dan macam-macam lagi. Jadi, tarikan-tarikan semula jadi dan produk-produk semula jadi memang banyak, tetapi apakah promosi yang telah dibuat kerajaan semenjak penggalakan pelancong dalam negeri semenjak tahun 1993 mendatangkan kesan?

Kalau tidak mendatangkan kesan, apakah tindakan susulan agar integrasi boleh dipromosi melalui pelancongan dalam negeri?

**Dato' Teng Gaik Kwan:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar kerana....(Ketawa) Ya, kita mengakui di



Sarawak ada Gua Mulu dan sungai pun panjang juga dan alam semula jadi pun boleh dikatakan indah.

Kementerian ini tidak lupa kerana Sarawak sebuah tempat yang indah dan setelah kita mempromosikan pelancongan dalam negeri. Kita ada lapan destinasi dan salah satu daripada destinasi itu ialah Sarawak yang mempunyai daya jualan iaitu daya etnik. Kita ada lapan destinasi, seperti di Pulau Pinang daya jualan ialah makanan dan Pulau Langkawi ialah pantai. Di Melaka daya jualannya ialah sejarah dan Kuala Lumpur daya jualannya ialah pusat membeli-belah (shopping paradise). Kota Kinabalu daya jualannya ialah alam semula jadi juga seperti Sarawak dan Pulau Pangkor, daya jualannya ialah pantai juga. Taman Negara daya jualannya ialah alam semula jadi juga dan Sarawak boleh dikatakan adalah satu negeri yang banyak potensi, bukan seperti yang saya sebutkan daya jualannya budaya etnik sahaja. Alam semula jadinya amat indah.

**Tuan Michael Lisa Kaya:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, yang begitu memuaskan, kita dapati bahawa pelancongan-pelancongan individu yang melawat negeri Sarawak daripada negara-negara tersebut seperti Taiwan, United Kingdom, Amerika Syarikat dan Australia yang membelanjakan wang mereka begitu banyak. Adakah kementerian bercadang untuk meningkatkan promosi ke negara-negara tersebut oleh kerana dari segi keuntungan untuk negeri Sarawak memang negara Taiwan, United Kingdom, Amerika Syarikat, Australia dan yang penting sekali daripada negara jiran iaitu Brunei ataupun Singapura.

**Dato' Teng Gaik Kwan:** Tuan Yang di-Pertua, pelancong-pelancong dari Singapura dan Brunei Darussalam seperti saya sebut tadi di dalam jawapan saya ialah pelancong-pelancong dari luar negara ini ke Sarawak boleh dikatakan

ramai dan kementerian ada juga membuat promosi di United Kingdom. Misalnya pada bulan September kita ada membuat promosi besar-besaran di London dan di Amerika juga kita ada memperkenalkan destinasi yang saya sebutkan tadi di luar negara untuk menarik lebih pelancong-pelancong dari luar negeri. Terima kasih.

### RANCANGAN TV WAKTU MAGHRIB—JADUAL SEMULA

**10. Tuan Hamzah bin Ramli** minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada rancangan TV yang telah disiarkan setengah jam sebelum dan setengah jam selepas waktu maghrib akan dikaji semula kerana nyata rancangan-rancangan yang disiarkan pada waktu-waktu yang berkenaan boleh melalaikan penonton-penonton beragama Islam terutamanya kanak-kanak untuk beribadat pada waktu itu.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan (Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal):** Tuan Yang di-Pertua, antara faktor yang diambil perhatian dalam menyediakan jadual waktu siaran sesuatu rancangan dalam televisyen, Radio dan Televisyen Malaysia atau RTM ialah:

- (i) aspektasi penonton; dan
- (ii) aspektasi penaja rancangan berkenaan dalam suasana pasaran tajaan rancangan televisyen yang semakin bertambah kompetitif.

Penjadualan rancangan ini sentiasa dikaji dari masa ke semasa bagi memastikan ianya akan dapat menyeimbangkan aspektasi kedua-dua belah pihak.

**Tuan Hashim bin Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, kita dapati rancangan TV yang disiarkan sebelum dan selepas waktu maghrib ada mengandungi unsur-unsur tarbiah atau pendidikan pada masyarakat. Misalannya rancangan Spektra, tidaklah wajar rancangan ini disiarkan di masa prime time atau masa perdana seperti

selepas Warta Berita jam 8.30 malam supaya orang-orang dewasa dan anak-anak mereka dapat menonton, sekali gus memanfaatkan program yang mempunyai unsur pendidikan ini. Terima kasih.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:**

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan itu, pada hakikatnya seperti yang saya jelaskan tadi, bahawa kita pertemukan kedua perkara iaitu aspek tajaan dan juga aspek masyarakat. Walaupun kita rasa 'Spektra' itu adalah satu daripada program yang mempunyai unsur-unsur kebaikan kepada masyarakat, tetapi program Spektra bukan satu sahaja program yang kita dapat lihat di kaca TV sama ada TV1 atau TV2. Banyak lagi program-program, secara kebetulan kita siarkan ianya di masa yang telah kita tentukan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ahli-ahli Berhormat, masa yang diperuntukkan untuk soal jawab sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 11 hingga 23 dijilid dalam buku berasingan).*

**USUL  
MENANGGUHKAN  
MESYUARAT DI BAWAH  
PERATURAN MESYUARAT**

18

**LAPORAN EIA BAHAGIAN II  
PROJEK EMPANGAN BAKUN**

3.35 ptg.

**Tuan Lim Kit Siang (Tanjong):** Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di bawah Peraturan Mesyuarat 18 untuk mengusulkan yang berikut:

"Bahawa Dewan ini membenarkan Ketua Pembangkang Parlimen merangkap Ahli Perlimen kawasan

Tanjong, Tuan Lim Kit Siang menangguhkan Dewan untuk tujuan membincangkan satu perkara tertentu, kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan, mengenai kelulusan Laporan EIA Bahagian II Projek Empangan Bakun.....

**Beberapa Ahli: Boo!**

**Tuan Lim Kit Siang:** .....tidak sedar, tidak sensitif, tidak ada conscious-Empangan Bakun tanpa melalui proses perundingan awam dan melanggar janji spesifik yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kepada para NGOs pada Julai 1995 atas sebab-sebab berikut:

- (1) Pada hari Selasa, 12hb Disember 1995, Pengerusi Eksekutif Ekran Berhad, Tan Sri Ting Pek Khing mengumumkan bahawa Laporan EIA Bahagian II untuk Projek Empangan Bakun yang bernilai RM15 bilion mengenai empangan dan lain-lain kemudahan telah diluluskan oleh Lembaga Sumber Semulajadi dan Persekitaran Sarawak pada 9hb Disember 1995.
- (2) Ini merupakan kali yang kedua di mana EIA, projek Empangan Bakun telah diluluskan tanpa melalui proses rundingan dan komen awam, sama seperti EIA Bahagian I mengenai penyediaan reservior yang diluluskan oleh Lembaga Sumber Semulajadi dan Persekitaran Sarawak pada 27 Mac tanpa sebarang perundingan awam, yang jelas sekali telah melanggar prosedur-prosedur EIA yang ditetapkan.
- (3) Lebih-lebih lagi kelulusan laporan EIA Bahagian II untuk projek Bakun ini tanpa melalui proses rundingan awam merupakan satu pelanggaran yang jelas dan khas ke atas janji-janji yang dibuat oleh Timbalan Perdana Menteri

merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kabinet mengenai Bakun kepada NGO-NGO di dalam satu dialog pada 24hb Julai 1995 bahawa di masa depan semua laporan EIA projek Bakun akan diumumkan sebelum diluluskan. Perkara ini mendapat liputan muka depan akhbar tempatan *The Sun* pada 25hb Julai 1995, di bawah tajuk 'Bakun Pledge—Future EIA reports to be made public before approval', dan laporannya adalah seperti berikut:

"Kuala Lumpur, Monday—Future environment impact assessment (EIA) reports on the Bakun Hydroelectric Dam project will be made public before approval.

Deputy Prime Minister, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, who chairs the Cabinet Assessment Committee on the project assured Non-Government Organisations (NGOs) this during a dialogue."

- (4) Pelanggaran secara terang-terang janji yang dibuat oleh Timbalan Perdana Menteri ini merupakan contoh terbaru di mana kerajaan telah mungkir janjinya untuk lebih bertanggungjawab dan melaksanakan prinsip ketelusan semasa mengendalikan projek Bakun dan bahawa kajian-kajian mengenai aspek persekitaran, sosial, ekonomi, teknikal dan kebolehlaksanaan serta daya maju Bakun akan dilakukan secara menyeluruh dan memuaskan. Contoh-contoh lain termasuklah:
- (i) Parlimen dan rakyat jelata mendapat janji yang berulang kali bahawa Jabatan Alam Sekitar akan menjadi pihak berkuasa muktamad yang membuat

keputusan mengenai kelulusan EIA Bakun, tetapi pada 27hb Mac 1995 tanpa sebarang kelulusan dari Parlimen ataupun melalui sebarang notis awam. Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar telah menyerahkan kuasa tersebut kepada Kerajaan Negeri Sarawak dan Lembaga Sumber Semulajadi dan Persekitaran Sarawak;

- (ii) Pelanggaran Agenda 21 mengenai sustainable development yang ditandatangani oleh Kerajaan Malaysia di Sidang Kemuncak Bumi pada Jun 1992 menjadikan Malaysia negara pertama yang memperolok-olokkan proses EIA dengan membahagikan laporan EIA kepada empat bahagian yang berlainan;
- (iii) Pelanggaran janji yang dibuat oleh Kerajaan Persekutuan bahawa satu kumpulan panel yang terdiri dari 48 pakar akan dibentuk untuk mengkaji dengan teliti laporan EIA di mana kumpulan panel ini telah dibubarkan tanpa memberi peluang untuk melihat laporan EIA yang disiapkan oleh Ekran Berhad;
- (iv) kerajaan Persekutuan gagal mengemukakan semua kajian yang dilakukan mengenai projek Bakun;
- (v) penafian yang degil, yang tidak jujur bahawa Kabinet telah mengambil keputusan

pada 23hb Mei, 1990 untuk membatalkan projek Bakun atas sebab-sebab persekitaran sebagaimana yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan bekas Menteri Tenaga, Telekom dan Pos daripada 1990-1992;

(vi) insiden terbaru serta sejarah EIA Bakun sehingga kini telah membangkitkan persoalan yang serius mengenai:

(a) Sama ada Jawatankuasa Kabinet mengenai Bakun mempunyai kuasa sebenar atau peranan di dalam seluruh proses membuat keputusan projek Empangan Bakun.

(b) Sama ada Tan Sri Tan Peik King mempunyai kuasa yang lebih besar daripada menteri-menteri dan jabatan-jabatan kerajaan sebagaimana yang dipertunjukkan apabila beliau membuat pengumuman mengenai kelulusan laporan EIA pertama Bakun pada 31hb Mac, 1995 di dalam Jabatan Alam Sekitar.

(c) Sama ada selain daripada Perdana Menteri sendiri, janji-janji yang dibuat oleh lain-lain Menteri Persekutuan termasuklah Timbalan Perdana Menteri

mengenai Bakun mempunyai sebarang kredibiliti disebabkan oleh kedudukan super status Tan Sri Ting Peik King di dalam Kerajaan Persekutuan serta Kerajaan Negeri Sarawak.

Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu pemberitahu usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Yang Berhormat Ahli kawasan Tanjong pada 13hb Disember, 1995 jam 1.13 petang. Teks usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebentar tadi.

Bagi membolehkan perkara ini ditimbangkan oleh Majlis Mesyuarat pada hari ini, saya sebagai Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu memenuhi tiga syarat. Syarat yang pertama ialah bahawa perkara tertentu, syarat yang kedua ialah bagi kepentingan orang ramai dan syarat yang ketiga ialah ia berkehendak disegerakan.

Saya telah meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa perkara ini tertentu dan ia adalah kepentingan orang ramai tetapi perkara ini tidak perlu disegerakan. Yang Berhormat yang berkenaan boleh mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan patut olehnya pada mana-mana masa pun.

Selain daripada itu, aduan-aduan ini telah dibuat beberapa kali dalam Dewan ini khususnya di dalam peringkat Jawatankuasa Rang Undang-undang Perbekalan yang baru lalu dan pihak kerajaan telah memberikan jawapan. Tidak ada faedahnya perkara yang sama diulang di dalam Dewan ini. Oleh yang demikian saya menolak usul ini. (*Tepuk*)

**RANG UNDANG-UNDANG  
DIBAWA KE DALAM  
MESYUARAT**

**RANG UNDANG-UNDANG KANUN  
TANAH NEGARA  
(PINDAAN) 1995**

**Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Kanun Tanah Negara dan untuk membuat peruntukan mengenai perkara-perkara yang bersampingan atau berkaitan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG**

**RANG UNDANG-UNDANG  
KEWANGAN (No. 2) 1995**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-Undang Kewangan (No. 2) 1995 dibacakan kali yang kedua sekarang". (*Hari Rabu, 13hb Disember, 1995*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Kota Melaka, minta sambung.

**Tuan Lim Guan Eng:** (*Bangun*)

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rostam):** Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan sebelum...

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, hendak minta penjelasan dari Ahli Kota Melaka atau daripada saya?

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Daripada Ahli Kota Melaka.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya belum berucap lagi, biar saya berucap sedikit dan nanti akan beri.

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Tuan Yang di-Pertua, beri peluang sedikit.

**Tuan Lim Guan Eng:** Nanti saya akan beri, sabarlah sedikit.

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Beri chancelah sedikit, orang kampung, kerana semalam beliau sebelum meninggalkan majlis,...

**Tuan Lim Guan Eng:** Duduklah. Tuan Yang di-Pertua, saya tidak beri jalan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Nanti dia akan beri. Biar dia mula dahulu.

**Tuan Lim Guan Eng:** Duduk dahulu. Saya belum bercakap lagi pun sudah hendak kacau.

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum dia berucap, lepas dia berucap dia tidak ada point lagi.

**Tuan Lim Eng:** Saya rasa cukuplah!

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Kerana saya tahu, lepas berucap nanti dia akan balik.

**Tuan Lim Guan Eng:** Kena akur kepada Peraturan Mesyuarat.

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Tuan Yang di-Pertua, semalam dia meninggalkan Dewan bersama semua sekali ahli pembangkang.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, dia tidak boleh buat ucapan di sini.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat, dia tidak beri jalan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ini hak saya.

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Saya harap lepas berucap nanti tunggu sampai habis. Jangan jadi, macam semalam semua pembangkang meninggalkan Dewan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Kota Melaka teruskan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya rasa mungkin dia tersalah makan hari ini. (*Ketawa*) Macam hendak tunjuk taring sahaja. Kalau mahu tunjuk taring, balik Melaka tunjuk taringlah.

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd Rustam:** Tuan Yang di-Pertua, saya tak hendak selepas dia berucap dia tinggalkan Dewan. Dia cuma mencari publisiti sahaja.

**Tuan Lim Guan Eng:** Dia tiada hak untuk berucap.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):** Yang Berhormat minta teruskan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya ingat Timbalan Menteri kena rujuk kepada Standing Order. Sungguhpun orang baru tetapi tidak boleh macam ini. Saya rasa ini tidak manis. (*Disampuk*)

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada ucapan yang saya buat semalam di mana saya belum habis tentang apa yang saya usulkan. Memandangkan bahawa negara kita akan menuju ke arah sistem percukaian berdasarkan income base dengan izin, kepada satu yang berdasarkan consumption base. Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan yang arif tentang perkara-perkara ekonomi dan juga kaedah percukaian, tidak seperti rakan-rakannya yang lain yang agak jahil dalam perkara ini, boleh memberikan satu commitment. Kalau pada satu hari mungkin Belanjawan

yang akan datang pada tahun depan pihak kementerian atau pihak kerajaan akan memastikan hak dan kepentingan kaum miskin akan terjaga.

Semalam juga ada beberapa orang ahli apabila saya berada di luar selepas Dewan ditangguhkan tidak berapa faham tentang apa yang saya hendak utarakan. Saya rasa itu dari segi teknikal. Sungguhpun ia nampaknya teknikal tetapi dari segi prinsip adalah sangat jelas dan mudah untuk difahami.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai satu contoh seperti yang saya katakan semalam kalau seorang yang berpendapatan RM100,000 setahun, cukai yang dikenakan sekarang adalah berdasarkan pendapatan tetapi kalau ditukarkan kepada consumption base hanya berdasarkan apa yang dia belanjakan dan biasanya seorang yang kaya yang mempunyai pendapatan tahunan RM100,000 dia biasanya tidak akan menghabiskan keseluruhan pendapatan tahunannya, hanya sekadar 50%. Ini bermakna bahawa hanya RM50,000 akan dikenakan cukai di bawah sistem kaedah cukai berdasarkan consumption base. Berbanding dengan sistem sekarang di mana keseluruhan pendapatannya akan diambil kira.

Untuk seseorang yang lebih miskin di mana pendapatan tahunannya hanya sekadar RM20,000 biasanya dia akan membelanjakan hampir seluruh atau 90% daripada pendapatannya. Ini bermakna bahawa hampir kesemua RM20,000 akan dicukai. Ini saya rasa tidak adil kepada golongan miskin kerana sebagai satu bandingan, untuk orang kaya hanya 50% daripada pendapatannya yang dikenakan cukai tetapi untuk orang miskin hampir keseluruhannya.

Oleh itu kalau kita rujuk kepada kes-kes di mana golongan yang lebih miskin lagi, saya rasa ini akan menambahkan beban kepada mereka. The burden of tax incident, will be increase, dengan izin, kepada golongan yang miskin. Oleh itu

satu cara yang paling berkesan untuk mengatasi masalah ini ialah untuk memberikan peruntukkan wang secara langsung kepada golongan miskin dan saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri yang saya tahu adalah sangat arif tentang perkara ini bolehlah mempengaruhi penggubal dasar apabila satu sistem percukaian berdasarkan kegunaan dirangka dan bahawa direct cash benefits boleh diberikan kepada golongan miskin untuk mengurangkan beban percukaian yang akan dikenakan ke atas mereka.

Saya harap dalam perkara ini sungguhpun mungkin dianggap lebih awal tetapi saya rasa itu adalah satu perkara yang amat penting dan saya buat cadangan ini dengan hati yang ikhlas supaya golongan yang miskin dapat menikmati atau mengecapi hasil pembangunan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa yang sama, saya juga ingin mendapat tahu daripada Kementerian, bilakah sistem ini akan dilaksanakan secara menyeluruhnya dan sama ada pihak Kementerian akan mengkaji atau menimbang untuk mengurangkan cukai perkhidmatan yang dikenakan ke atas sektor-sektor tertentu yang amat kritikal dan penting khususnya untuk digunakan oleh seluruh rakyat Malaysia khasnya mereka yang berpendapatan rendah. satu contoh, tentang telefon, biasanya cukai perkhidmatan 5% semua perkhidmatan, semua servis atau bayaran dikenakan cukai perkhidmatan 5%. Bolehkah saya meminta pihak kerajaan menimbang sama ada cukai perkhidmatan ini boleh dikurangkan untuk golongan miskin, contohnya untuk penggunaan telefon, kalau bukan untuk pengguna komersil sekurang-kurangnya pengguna domestik, bolehkah ia dihapuskan?

Kalau sesuatu perniagaan, saya rasa itu mungkin kita boleh menerima sebagai perlu untuk mengutip cukai kepada negara tetapi kalau untuk domestik, saya rasa

pertimbangan harus diberikan supaya membatalkan cukai perkhidmatan 5% yang saya rasa akan memanfaatkan rakyat Malaysia.

Pada masa yang sama, saya juga ingin menyatakan sekali lagi, tentang harga petrol. Di sini saya sedikit dukacitalah, kerana pihak kerajaan masih enggan mengurangkan harga petrol yang diretail atau yang dijual sekarang kepada para pengguna. Seperti yang saya pernah katakan, memandangkan harga petrol, crude oil di peringkat antarabangsa telah turun hampir 60% sejak Perang Teluk, tetapi pada masa yang sama di negara kita, tidak ada pengurangan yang selaras dengan pengurangan harga minyak di peringkat antarabangsa. Saya ingin meminta sekali lagi bahawa pengurangan ini boleh dilaksanakan kerana ia adalah dengan sekali gus dengan berkesan sekali mengurangkan kadar inflasi.

Kalau kadar petrol sekarang, mengikut harga antarabangsa, ini bermakna ia akan kurang mungkin sekurang-kurangnya 50% atau 60% dan ia akan mempengaruhi dengan serta-merta akan mengurangkan kadar inflasi. Saya rasa Yang Berhormat Timbalan Menteri bersetuju memandangkan petrol atau penggunaan minyak merupakan satu kos utama semua pengeluaran barangan di negara kita.

Oleh sebab itu, saya berharap sungguhpun levi yang dikenakan oleh kerajaan, menguntungkan kerajaan tetapi dari segi kepentingan nasional dan manfaat kepada rakyat, saya harap pengurangan petrol ini boleh dibuat dan saya masih tidak nampak mengapa ia belum dilaksanakan lebih-lebih lagi apabila negara kita adalah salah satu daripada pengeluar minyak yang terutama di rantau Asean dan saya harap perkara ini dapat diberikan pertimbangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya memang mengalu-alukan kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri semalam, bahawa beliau amat peka dan amat sensitif dan ingin menjaga faedah

kaum-kaum lain dan juga mereka yang sakit. Dan di sini saya ingin meminta atau menanya mengapakah cukai yang dikenakan untuk alat-alat perubatan tidak dihapuskan.

Saya telah menerima banyak aduan daripada rakyat Malaysia atau pesakit-pesakit, mereka yang dihindangi oleh berbagai-bagai penyakit, apabila mereka hendak membeli alat-alat perubatan, kalau dibandingkan dengan luar negara, harga jualan di negara Malaysia adalah tinggi. Sebagai satu contoh, alat-alat diabetes, dengan izin. Alat-alat untuk mengesani dan menguji penyakit diabetes, saya diberitahu bahawa alat itu kalau dijual di England hanya kira-kira 25 pound sahaja tetapi di negara Malaysia, ia dijual dengan harga RM300. Saya rasa punca utama ialah cukai yang dikenakan telah mengakibatkan perbezaan di antara alat perubatan yang dijual di luar negara berbanding dengan di negara Malaysia.

Saya rasa, doktor-doktor mungkin Ahli-ahli Parlimen, doktor lebih faham tentang perkara ini daripada saya, tetapi secara keseluruhannya, secara amnya, saya rasa itu merupakan satu masalah yang penting. Sungguhpun kita mencapai pembangunan ekonomi yang pesat, tetapi pada masa yang sama kita pun menghadapi penyakit, mungkin penyakit orang kaya, satu daripadanya diabetes yang amat biasa di kalangan rakyat Malaysia sekarang.

Oleh sebab itu, saya harap cukai untuk alat-alat perubatan begitu penting untuk pesakit-pesakit boleh dihapuskan, tidak ada sebab mengapa ia masih dikenakan lagi dan saya rasa itu akan meringankan dan ini akan membantu dengan lebih bermakna golongan yang menghadapi penyakit-penyakit tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin bertanya tentang levi RM100,000 yang dikenakan ke atas pembeli-pembeli rumah atau hartanah oleh orang-orang asing. Di sini, saya rasa masih terdapat kekeliruan,

bilakah levi ini akan berkesan atau dikuatkuasakan, dari peringkat mana, memorandum of transfer atau stamping?

Saya harap perkara ini boleh diperjelaskan, kerana ini adalah tertakluk di bawah urusan kuasa kerajaan negeri seperti yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, tetapi dari peringkat apa ia berkuatkuasa? Ramai orang atau ramai daripada peguam-peguam masih tidak tahu, oleh sebab itu saya rasa dari segi penjelasan, adalah diharapkan Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh menerangkan bilakah ia akan berkesan, supaya kita dapat memberikan ketelusan dan membolehkan peguam-peguam atau mereka yang terlibat dalam sektor hartanah untuk menguruskan urusan mereka dengan lebih teratur dan licin.

Tuan Yang di-Pertua, semua cukai ini saya rasa, adalah bertujuan untuk memupuk atau mempergiatkan pembangunan ekonomi negara. Tetapi di sini saya rasa ia mungkin boleh dianggap terlalu ad-hoc kerana kita harus mengadakan satu dasar yang lebih holistik, yang lebih menyeluruh dan saya ingin merujuk kepada satu laporan World Competitiveness Report yang diumumkan baru-baru ini dimana sungguhpun Malaysia telah mendapat kedudukan yang ke-21 sebagai negara pengekspor di dunia, tetapi mereka telah menyebut beberapa kelemahan yang penting dan dua hari yang lepas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah dengan begitu bangga menyatakan bahawa perkhidmatan awam di Malaysia adalah di antara yang terbaik di dunia, mengambil tempat yang keempat di dunia. Tetapi adakah pihak kementerian sedar tentang faktor di mana Malaysia masih lemah khususnya dalam faktor sumber manusia dan R & D.

Kalau kita hanya menumpu perhatian kepada faktor-faktor di mana kita rasa kita boleh bangga kerana kita mendapat kedudukan yang tinggi, saya rasa kita, dengan izin, miss the point, dan ini saya



rasa adalah faktor yang amat penting, R & D dengan sumber manusia.

Saya tidak nampak apa-apakah usaha yang dijalankan oleh pihak kerajaan untuk mengatasi kekurangan pekerja terlatih atau skill or semi-skill workers dan juga menjadikan Malaysia sebagai satu pusat teknologi tinggi.

(Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Malah dalam Belanjawan yang baru diumumkan pada Oktober lalu, saya rasa emphasis, dengan izin, tidak ditunjuk oleh pihak Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri itu kerana hanya RM200 juta ini sahaja diperuntukkan untuk ahli. Dan saya rasa ini adalah tidak mencukupi kalau kita hendak menjadi satu pusat teknologi tinggi.

Oleh sebab itu, saya berharap bahawa pihak Kementerian boleh mencari jalan macam mana kita dapat menaikkan teknologi dan membetulkan atau memperbaiki kedudukan Malaysia dengan negara-negara pengeksport dunia supaya pada masa akan datang kita boleh mencapai kedudukan yang lebih tinggi dalam World Competitiveness Report.

Tuan Yang di-Pertua, semalam juga semasa saya menyebut kriteria atau prinsip percukaian yang harus dikenakan berdasarkan prinsip utama iaitu mesti efisien, aquitiable dan telus. Saya rasa faktor yang terakhir adalah sangat penting. Kalau kita mengenakan cukai kita mesti memastikan ia dikenakan dengan sama rata, tidak ada selectivity, kita tidak boleh berpilih-pilih, kita mesti accountable supaya menunjukkan kita adil kepada.....

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi:**  
(Bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Balik Pulau bangun.

**Tuan Lim Guan Eng:** Hendak apa?

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi:**  
Hendak minta penjelasan sedikit.

**Tuan Lim Guan Eng:** Boleh.

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi:**  
Yang Berhormat telah mengatakan sekejap tadi bahawa dalam dasar percukaian kita kena tidak ada 'discrimination'. Apa yang dilakukan dalam Belanjawan ini mengenai cukai langsung (direct taxes) di mana kerajaan sebenarnya telah mengurangkan kelompok pembayar cukai yang dikecualikan daripada membayar cukai pendapatan, yang mana cukai pendapatan adalah cukai langsung dan ukurannya adalah jelas mengikut pendapatan. Saya tidak faham apa yang sedang dikemukakan oleh Yang Berhormat tentang polisi percukaian ini kerana yang Yang Berhormat mengkritik 'consumption-based tax' tetapi selepas itu hendak propose satu mekanisme lain yang lebih adil kononnya iaitu memberi 'direct cash benefit'.

Jadi, ada dua soalan. Pertama, tidakkah pengurangan cukai langsung secara terus berdasarkan kriteria yang begitu jelas yang telah dilakukan oleh Belanjawan ini tentang pendapatan adalah satu yang jelas, seperti satu kriteria yang telah Yang Berhormat kemukakan. Yang keduanya, ialah proposal tentang 'direct cash benefit' - tidakkah ini sesuatu yang lebih 'arbitrary' dan memerlukan satu mekanisme lain yakni satu birokrasi lain yang akan menelan belanja yang lebih banyak demi untuk mencapai hasrat seperti yang dikemukakan oleh Yang Berhormat tadi.

Saya juga ingin bertanya bagaimanakah Yang Berhormat hendak 'propose' untuk melaksanakan 'direct cash benefit' seperti Yang Berhormat kemukakan?

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, saya bukan Menteri Kewangan, macam mana saya hendak 'propose' secara detail. Saya rasa bukan tugas saya, itu tugas Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tetapi saya rasa ini tidak boleh dinafikan dan saya rasa Yang Berhormat juga boleh

setuju bahawa kalau kita tengok dari sistem pencukaian yang dikenakan di negara-negara maju ia adalah menghala ke arah 'consumption-based tax' dan dari segi teori ekonomi ia adalah lebih efisien, tetapi dari segi ekuiti agak berat sedikit. Oleh sebab itu, saya rasa saya hanya mencadangkan sahaja supaya kita atasi masalah ekuiti ini, khususnya kepada golongan miskin supaya kita memberikan 'direct cash benefit'. Ini tidak akan mengatasi kesemua ketidakadilan tersebut, tetapi sekurang-kurangnya ia akan mengurangkannya. Macam mana ia akan dilaksanakan, saya rasa itu, kalau hendak diberikan secara detail saya rasa disini bukan tempatnya. Kalau Yang Berhormat berminat nanti kita boleh bincang di luar.

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan lagi. Betul seperti Yang Berhormat katakan tadi iaitu Yang Berhormat bukan dari Kementerian Kewangan tetapi Yang Berhormat telah mengkritik satu sistem pencukaian yang ada sekarang dan mengemukakan satu alternatif yang lain. Setidak-tidaknya, walaupun bukan secara terperinci, inginlah juga sebagai menjadi satu proposal yang konkrit dan responsible, boleh atau tidak Yang Berhormat menjelaskan secara prinsip bagaimana hendak kita laksanakan 'direct cash benefit transfer' ini dan untuk mencapai hasrat Yang Berhormat supaya ada ekuiti yang lebih berbanding dengan 'consumption-based tax' seperti yang ada sekarang. Memanglah saya tidak minta secara terperinci, tetapi secara prinsipnya. Daripada Yang Berhormat throw the term out here and criticise, dengan izin, sistem sekarang. Jadi, kita juga ingin Yang Berhormat elaborate sedikit tentang mekanisme pelaksanaan alternatif ini.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, saya hanya bercakap tadi bahawa dari apa yang dinyatakan oleh Penasihat Ekonomi Negara dan juga kenyataan-kenyataan yang dikeluarkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, nampaknya sistem pencukaian akan menghala ke arah 'consumption-based tax' dan ada ramalan yang dibuat bahawa pada tahun ini dan

dalam belanjawan ini mungkin pertukaran akan diumumkan oleh pihak kementerian atau Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan, tetapi oleh kerana mungkin kadar inflasi yang tinggi, ini mungkin tidak mengizinkan. Dari segi mekanisme untuk golongan miskin, saya rasa itu amat jelas. Mereka yang terpaksa menanggung beban pencukaian ekoran daripada sistem consumption ini kita harus mengadakan satu jadual untuk memberikan 'direct cash benefit' kepada mereka. Saya rasa itu amat jelas dengan sendirinya. Oleh sebab itu, saya rasa itu bukan masalah mengapa kita tidak boleh memberikan 'direct cash benefit'. Saya rasa mungkin Yang Berhormat rasa, oleh kerana agak sukar untuk menetapkan satu kriteria, kita tidak patut dan tidak harus memberikan 'direct cash benefit' kepada golongan miskin kalau sistem ini digunakan.

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya punyai kekhawatiran tentang cadangan yang Berhormat kerana dua masalah. Pertama, kita rasakan sistem indirect tax yang berdasarkan consumption ini adalah satu yang efisien dan kita ada mekanisme pencukaian lain yang akan memelihara kebajikan mereka yang berpendapatan rendah, khususnya, mekanisme pencukaian langsung tentang cukai pendapatan. Tetapi yang satu lagi ialah, jika itu yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat tentang 'direct cash benefit' ini, maka ia memerlukan satu birokrasi yang begitu besar untuk menentukan ini dan keduanya, ia akan menjadi seperti apa yang terjadi di banyak negara Barat di mana tiap-tiap bulan ataupun tiap-tiap dua minggu keluarga-keluarga yang telah dikenalpasti oleh birokrasi yang begitu besar ini akan mendapat satu amaun duit dalam envelope pada tiap-tiap bulan.

Jadi, kita dalam negara ini masih belum sampai kepada satu falsafah di mana dalam kita hendak membantu mereka yang kurang pendapatan, kita beri 'cash outlay' begitu sahaja. Kita masih lagi tidak sampai

ke situ dan saya rasakan itu adalah sesuatu yang baik berbanding dengan kita hendak beri 'direct unemployment benefit', hendak beri 'food bill' dan hendak memberi apa sahaja secara 'direct'.

Walaupun ada teori-teori ekonomi yang mengatakan bahawa itu boleh mencapai outcome yang lebih equitable tetapi saya rasakan secara falsafahnya untuk seseorang menerima cash bulat-bulat dan diharapkan, katakan kita kenal pasti dia suntuk wang untuk makanan. Jadi, kita beri dia cash bulat-bulat dan kita harapkan dengan pemberian cash yang sedemikian, ia dapat membantu perbelanjaan untuk makanan dia.

Saya rasa, satu, kita tidak dapat kawal kelakuan orang. Yang kedua, falsafah untuk memberi orang cash semata-mata, itulah satu yang saya harap kita tidak perkenalkan dalam sistem urusan fiskal kerajaan ataupun polisi-polisi kerajaan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Kalau begitu, saya rasa mungkin Yang Berhormat harus cadangkan kepada pihak kementerian supaya jangan laksanakan consumption-based tax tetapi saya rasa Yang Berhormat Timbalan Menteri pun susah untuk bersetuju kerana inilah tujuan zahir dan saya rasa ini akan dilaksanakan mungkin beberapa tahun yang akan datang.

Saya rasa dari segi birokrasi, itulah sebab semalam dan hari ini juga saya bercakap bahawa consumption-based tax, sungguhpun lebih efisien adalah kurang adil. Itu sebab untuk mengatasi ketidakadilan ini, saya cadangkan direct cash benefit dan sama ada ia akan menambah red-tape kerana menambah sistem birokrasi di negara kita. Saya rasa dengan sistem pengkomputerisasi dan juga kriteria yang jelas, hanya dari segi tahap pendapatan yang mereka perolehi setahun, saya rasa itu bukan satu masalah yang besar. Yang lebih penting ialah bahawa golongan miskin, kepentingan mereka dijaga dan saya dari segi kos tambahan yang dikenakan untuk menguruskan birokrasi ini, saya rasa dari segi CBA, kalau kita buat cost benefit analysis, apa perbelanjaan yang kita buat, saya rasa

boleh dioffset dengan kutipan cukai yang dianggap berlebihan oleh pihak kementerian.

Saya rasa itu bukan merupakan satu sebab mengapa direct cash benefit tidak diluluskan tetapi kalau Yang Berhormat rasa consumption base tax ini tidak bagus, cadangkan kepada pihak kementerian, jangan laksanakan itu. Macam ini, saya pun tidak payah berucap panjang-lebar. Tetapi saya rasa.....

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mengatakan saya tidak setuju dengan consumption-based tax, cuma saya tidak setuju dengan falsafah di belakang direct cash benefit itu. Selain dari karenah birokrasinya, dari segi falsafahnya memberi direct cash benefit itulah yang saya persoalkan.

Yang kedua, yang mula-mula tadi saya soalkan apa dia mekanisme yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat. Tadi Yang Berhormat sudah jelaskan itu, jadi saya kemukakan pandangan saya bahawa secara falsafahnya saya kurang setuju tentang direct cash outlay ini kepada penerima. Itu sahaja. Bukan saya tidak setuju dengan consumption-based tax

**Tuan Lim Guan Eng:** Kalau begitu, saya harap mungkin Yang Berhormat boleh cadangkan apakah alternatif untuk memastikan golongan miskin tidak tersisih kalau consumption base tax ini dilaksanakan. Apakah yang boleh dirangka supaya kepentingan mereka masih boleh dijaga dan lebih adil kerana consumption base tax seperti yang saya telah buktikan tadi akan memihak kepada golongan kaya dan saya rasa kalau Yang Berhormat ada pandangan-pandangan secara alternatif yang lebih baik daripada saya, saya memang bersedia menerima. Tetapi sehingga sekarang, apabila saya meneliti beberapa alternatif, saya rasa direct cash benefit adalah yang paling baik sekali.

Tuan Yang di-Pertua, di mana saya sekarang? Tadi, sebelum saya diganggu, saya cakap apa?

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd.**

**Rustam:** Tuan Yang di-Pertua, sudah habis modal. Saya harap dia duduk, lepas itu dengar apa Timbalan Menteri akan jawab. Jangan lari macam semalam.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Sabar...

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd.**

**Rustam:** Supaya bertanggungjawablah dan tidak menghina Dewan ini, lepas ini cabut.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya rasa...

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ya, Kota Melaka, hendak teruskan lagi?

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya, saya hendak teruskan tetapi saya amat terkejut dan hairan tadi, Yang Berhormat bangun atas apa?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat...

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd.**

**Rustam:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Yang Berhormat, tidak boleh mencelah macam ini.

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd.**

**Rustam:** Kerana dia pun sudah habis point, jadi eloklah jangan buang masa.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat hendak minta penjelasan, kena ikut peraturan. Ya, Kota Melaka, hendak teruskan?

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya, saya harap dia boleh akur tentang Peraturan Mesyuarat. Dia bangun sahaja. Ini bukan sekolah tahu, ini Dewan yang mulia. Kalau hendak minta jalan, minta dengan saya, saya akan beri. Kita boleh beri.

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd.**

**Rustam:** Tuan Yang di-Pertua, boleh minta jalan dengan Kota Melaka?

**Tuan Lim Guan Eng:** Hendak minta jalan? Baru macam itu minta baik-baik, saya tentu berikan. Sila.

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd.**

**Rustam:** Terima kasih. Tadi saya dengar ucapan wakil Kota Melaka, saya nampak macam beliau hendak beri berbagai-bagai pandangan tetapi saya berpendapat, beliau cuma hendak menghabiskan masa Dewan sahaja. Sebenarnya modal beliau pun sudah habis, jadi dia pun teraba-raba hendak cari apa hendak cakap lagi. Saya bimbang, selepas ini beliau akan keluar dari Dewan, dia duduk sana minum kopi, pergi tandas macam dia sebut semalam. Saya bimbang, lepas itu bukan sahaja beliau keluar, yang tinggal tiga ini pun akan keluar. Sebab semalam masa kita berbincang semua ahli pembangkang tidak ada dalam Dewan kecuali ahli-ahli Barisan sahaja. Selepas itu dia beritahu bahawa Dewan ini tidak cukup Kuorum. Sebenarnya kita cukup, yang tidak ada semua ahli pembangkang. Kerana itu saya minta hari ini selepas ucapan dari wakil Melaka, saya harap beliau jangan keluar, tunggu sampai Timbalan Menteri menjawab supaya beliau dapat tahu apakah pandangan kerajaan terhadap semua perkara yang beliau kemukakan, barulah menjadi seorang Ahli Parlimen yang bertanggungjawab, yang tidak menghina mahkamah.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, hendak beri penjaslankah atau hendak minta?

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd.**

**Rustam:** Saya beri penjelasan kepada wakil Kota Melaka supaya lebih bertanggungjawab dan tidak menghina mahkamah. Supaya jangan jadi 'traitor'lah kepada Dewan ini.

**Tuan Lim Guan Eng:** Mahkamah? Ini bukan mahkamah.

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd.**

**Rustam:** Kepada Dewan ini.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ya, Kubang Kerian bangun.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, Dewan tidak cukup kuorum.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Setiausaha, tolong bilang, 24. Bunyikan loceng.

*Loceng dibunyikan.*

*(Ahli-ahli dikira: 47 Ahli hadir)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Cukup kuorum. Kota Melaka boleh teruskan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya hendak teruskan.

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Tuan Yang di-Pertua, boleh beri jalan?

**Tuan Lim Guan Eng:** Sudah cukuplah. Nanti saya beri, duduk dahulu.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Dia minta...

**Tuan Lim Guan Eng:** Duduk, saya tidak beri sekarang. Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Yang Berhormat Timbalan Menteri habis modal. Semalam dia cakap, kerana ahli pembangkang tidak ada, ahli-ahli Barisan cakap kita tidak cukup kuorum. Sekarang ada ahli pembangkang pun tidak cukup. Apa dia cakap ini? Habis modal? Tidak payah hendak jelaskan.

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Tuan Yang di-Pertua, bukan tidak cukup kuorum. Cukup kuorum.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat....

**Tuan Lim Guan Eng:** Tidak payah saya jawabkan perkara ini.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat....

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Ini pun saya tegur tadi baru tinggal 4 orang sahaja.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tengoklah dia.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Masa berjalan, teruskan.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya, saya hendak teruskan tetapi dia kacau.

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Saya ingat wakil pembangkang pun tidak ada seorang pun dalam Dewan ini.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Cukuplah.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya harap, Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh menjaga diri dengan lebih baik. Bukan cara ini kita berbahas. Kalau hendak minta jalan, minta baik-baik. Saya akan berikan. Tadi saya sudah beri tetapi isi kandungan yang dibuat penjelasan, tidak ada kaitan langsung dengan apa yang kita bincangkan sekarang.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat Kota Melaka, saya rasa elok Yang Berhormat balik kepada tajuk.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya, tadi dia tidak balik kepada tajuk.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ini terpesong sangat.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tadi, dia lagi terpesong. Tuan Yang di-Pertua, dia tidak ada merujuk langsung kepada....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, ini nasihat saya.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya, saya tahu. Tetapi dia tidak rujuk langsung kepada Rang Undang-undang yang kita bahaskan dan saya tidak tahu....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Kalau Yang Berhormat tidak hendak teruskan, saya kena beri peluang kepada orang lain, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya, tetapi tadi dia minta penjelasan daripada saya dan saya jawab. Saya hendak balik kepada tajuk ini. Saya harap, kalau hendak minta penjelasan, rujuk kepada apa yang saya bahaskan, bukan yang bukan-bukan. Bukan perkara yang bukan-bukan! Saya rasa Yang Berhormat Timbalan Menteri kena belajar sedikit

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Dia bangun, Yang Berhormat.

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Tuan Yang di-Pertua, saya tanya tadi perkara yang betul sebab Yang Berhormat dari Kota Melaka, dia selalu banyak bercakap untuk kita dengar. Tetapi bila Timbalan Menteri kita jawab, dia keluar daripada Dewan!

**Tuan Lim Guan Eng:** Apa tajuk itu, Tuan Yang di-Pertua?

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Macam semalam....

**Tuan Lim Guan Eng:** Apa tajuk itu?

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Selepas dia berucap, selepas itu, semua keluar, seorang pun tidak tinggal!

**Tuan Lim Guan Eng:** Apa tajuk itu?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Yang Berhormat dinasihatkan, kalau minta penjelasan, soal terus, Yang Berhormat, tak payahlah buat ulasan.

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Itulah penjelasan yang saya minta.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Dan juga Kota Melaka, janganlah terpesong sangat.

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan, adakah Yang Berhormat dari Kota Melaka akan tunggu selepas dia berucap ini untuk mendengar penjelasan daripada Timbalan Menteri?

**Tuan Lim Guan Eng:** Tengok, apa ini? Saya rasa.....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Balik kepada tajuk, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya, saya teruskan. Tak payah buang masa. Ini bukan-bukan, tak payah buang masa! Tetapi saya rasa Yang Berhormat Timbalan Menteri lebih faham tentang apa yang saya utarakan kerana itulah perkara yang penting, tentang sistem percukaian, tentang sistem perdagangan, sama ada macam mana kita boleh membuat negara kita lebih kepada kompetitif, bukan perkara yang ditimbulkan tadi oleh rakannya yang saya rasa tidak ada kena-mengena dengan ekonomi. Oleh itu dia kena jaga jalan dan lembulah!

Tuan Yang di-Pertua, saya amat kesal apabila pihak Kerajaan Pusat apabila membuat satu arahan, khususnya apabila kita bercakap tentang rumah kos rendah, galakan yang diberikan oleh pihak kerajaan tentang pembinaan rumah kos rendah,

tetapi kita nampak kadangkala apabila kerajaan negeri tidak patuh atau tidak menyahut cabaran yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, tidak ada sebarang tindakan yang dibuat.

Dengan itu, saya harap pihak kerajaan, semasa meluluskan wang daripada tabung untuk membina rumah kos rendah boleh mengambil kira prestasi yang ditunjukkan oleh kerajaan-kerajaan negeri tersebut dan kalau kita hendak mencapai pasaran rumah kos rendah, kita tidak mahu lihat 70,000 atau 80,000 orang memohon borang-borang rumah kos rendah di Johor. Saya rasa, tidak ada pelan untuk membina begitu banyak rumah kos rendah di satu negeri sahaja.

Tetapi kalau kita hendak serius tentang sasaran ini, adalah harus bagi pihak kementerian mengambil tindakan kalau kerajaan negeri menyeleweng daripada sasaran yang ditetapkan oleh pihak kerajaan negeri. Saya rasa, saya tidak mahu mengambil masa yang panjang kerana hendak memberikan peluang kepada rakan-rakan yang ada pandangan yang bernas dan bukan seperti yang ditunjukkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Kubang Kerian. Selepas itu Yang Berhormat Timbalan Menteri diminta jawab.

4.25 ptg.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian):** Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil masa yang ringkas untuk memberi beberapa pandangan terhadap Rang Undang-undang Kewangan (No. 2) 1995.

*(Yang Berhormat Tuan Lim Guan Eng keluar dari Dewan)*

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Kota Melaka keluar, saya harap selepas ini, beliau boleh balik semula.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, itu hak dia, sama ada dia hendak keluar atau masuk, itu terpulang kepada dia.

*(Yang Berhormat Tuan Lim Guan Eng masuk semula ke Dewan)*

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, nanti saya akan balik. Timbalan Menteri belum jawab lagi!

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Duduk, duduk.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Kota Melaka, tak baik mencelah macam itu, Yang Berhormat. Berilah peluang kepada rakan Yang Berhormat!

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya, tetapi dia mencelah! *(Disampuk)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Teruskan.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Sama-sama orang Melaka, balik bergaduh di kampung! *(Ketawa)*

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Itulah cara dia!

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh beberapa perkara secara ringkas. Pertama sekali struktur cukai, kita lihat di antaranya ialah untuk mengurangkan beban pengguna, terutama sekali harga-harga barang harian.

Apabila kita tanya para peniaga kenapa harga barang tidak turun setelah beberapa cukai diturunkan? Jawapan mereka ialah,

“harga minyak tidak turun”. Jadi, apakah ikhtiar Kementerian Kewangan supaya harga minyak dapat diturunkan dan dengan itu kos transport dapat diturunkan dan harga barang utama dapat diturunkan. Harga-harga barang utama sekarang seperti beras, tepung, garam, minyak masak dan sebagainya kita tahu terus naik hari demi hari. Tambahan pula beras sekarang ini yang gred “A” tidak lagi dikawal, maka harganya naik melambung.

Walaupun gred “A” ini dikatakan gred “A”, tetapi kebanyakan penduduk Lembah Kelang ini kita katakan semuanya menggunakan beras gred “A” ini. Oleh itu, kawalan harga barang ini, di antaranya berpunca daripada minyak. Kita harap pihak kerajaan berusaha untuk menurunkan harga minyak.

Peliklah harga minyak tidak dapat diturunkan sedangkan Thailand bukan sebuah negeri yang banyak minyaknya, tetapi minyak di Thailand, satu liter RM0.89 sen, sedangkan kita di sini, satu liter petrol, RM1.15 sen. Berbeza. Jadi, kalau kami di Kelantan, kalau pergi ke Narathiwat atau Pattani, kami boleh pergi ke sana dan bubuh minyak di sana, makan dan sebagainya, masih untung kadangkalanya. Sedangkan mereka bukanlah negara pengeluar minyak utama, tetapi harga minyak mereka murah. (*Disampuk*) Larut, diam-diam.

Tuan Yang di-Pertua, jadi perbandingan harga minyak ini memang menjadi ketara dan sebab itu kita lihat harga barang di Thailand lebih murah dan kebetulan di negeri-negeri yang bersempadan dengan Thailand akan menikmati barang-barang yang lebih murah, terutama harga makanan harian. Tetapi bagi negeri-negeri lain, harga-harga barang harian, kita lihat harganya yang agak tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya, kita lihat dalam Belanjawan baru-baru ini, di dalam Rang Undang-undang ini kita lihat tidak ada perubahan struktur terhadap

pencukaaian judi di Malaysia ini, sedangkan kita tahu bahawa sekarang ini Syarikat Genting Highlands Berhad yang menjalankan perjudian dan perhotelan membuat keuntungan yang cukup hebat.

Tan Sri Lim Goh Thong dan syarikat perjudiannya membuat untung lebih daripada RM2 juta satu hari. Bayangkan kalau bukan pendapatan, tetapi keuntungan lebih dari RM2 juta satu hari, maka dia lahirlah sebagai seorang jutawan yang cukup hebat dan majalah *Fortune* telah meletakkan beliau di antara yang terkaya di Malaysia dengan memiliki harta lebih daripada RM2,500 juta harta peribadi milik Tan Sri Lim Goh Thong yang dianalisa oleh majalah *Fortune*.

Cukai terhadap judi tidak diubah, tetapi kita lihat tauke-tauke judi ini menambahkan pendapatan mereka dengan cukai individu turun dan cukai syarikat diturunkan. Maka, mereka membuat untung yang lebih hebat daripada perjudian ini. Paling kurang, mesti ada usaha untuk menunjukkan bahawa Malaysia tidak menggalakkan perjudian dengan ada struktur cukai terhadap judi ini.

Kalau kita lihat di Amerika Syarikat, bukanlah saya pemuja Amerika, tidak sama sekali, tetapi di Amerika Syarikat, judi diizinkan di negeri yang tidak ada hasil mahsul. Misalnya negeri Nevada. Nevada sebuah negeri padang pasir yang kering kontang yang tidak ada hasil bumi. Maka di negara itu diizinkan judi. Maka tumbuhlah bandar Las Vegas yang begitu besar dan perniagaannya perniagaan judi.

Negeri-negeri yang subur seperti California, Texas dan Mississippi yang ada tanaman yang subur, minyak dan sebagainya, judi tidak diizinkan berkembang di negeri tersebut. Kalau formula itu dipakai, di Malaysia, tidak ada tempat boleh diadakan permainan judi kerana semua buminya subur. Tidak ada tempat yang kering kontang, padang pasir, yang tidak ada hasil. Jadi, kita lihat bahawa struktur terhadap cukai judi tidak ada.



**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi:**  
(Bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat, Balik Pulau bangun.

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bukanlah menyokong judi, tetapi sekadar hendak memperbetulkan maklumat yang diketengahkan oleh Yang Berhormat bahawa hanya negeri-negeri seperti Nevada dan sebagainya yang diberi kebenaran untuk berjudi. Sebenarnya, itu tidak betul kerana dibenarkan juga judi di Illinois, Missouri, Indiana dan sebagainya.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Saya kata peringkat permulaan dahulu. Jangan bela judi. Saya tahu itu kawan saya. Dia cukup anti judi.

Tuan Yang di-Pertua, jadi kita lihat dalam struktur cukainya tidak berubah dan tauke judinya pula membuat untung yang begitu hebat sehingga penasihat ekonomi bagi negara Malaysia pernah merungut tentang kekayaan yang ditambah oleh Tan Sri Lim Goh Thong melalui perniagaan judinya itu sehingga lama kelamaan semua bukit sempadan Pahang dengan Selangor boleh dibeli oleh beliau melalui perniagaan judi ini. Jadi, kita rasa peliklah struktur terhadap judi tidak ada perubahan bahkan dengan cukai pendapatan individu ini dikurangkan, cukai syarikat ini dikurangkan, maka tauke-tauke judi akan membuat keuntungan yang lebih hebat lagi di Malaysia.

Begitu juga tidak ada perubahan struktur cukai terhadap arak kali ini. Seperti biasa juga iaitu pengurangan cukai individu dan pengurangan cukai syarikat menyebabkan mereka yang terlibat dalam perniagaan arak akan menambahkan

pendapatan mereka. Memanglah kami di Kelantan mengambil dua pendekatan yang berbeza. Judi terus diharamkan, arak diambil secara perlahan-lahan.

Di peringkat Kerajaan Pusat sepatutnya hal judi ini, kita lihat dalam Parlimen ketika membentangkan usul judi dahulu, untuk menambahkan perlumbaan kuda bagi seminggu tiga kali dan untuk dibawa ke Sabah dan Sarawak, DAP telah menentang judi. Nawaitu apa kita tidak tahu tetapi mereka telah menentang. Mereka mewakili sejuta pengundi pada waktu itu. Kalau mereka menentang kenapa kerajaan tidak mengambil peluang untuk mengharamkan semua jenis judi ketika itu kerana DAP sendiri telah pun menentang. Jadi, yang kita lihat bahawa yang disenaraikan dalam struktur percukaian judi dan arak tidak ada perubahan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin sekali lagi menyentuh struktur cukai ataupun cara pungutan cukai jalan (road tax). Cukai jalan ini kita tahu apabila kereta itu menggunakan jalan. Tetapi sekarang dikutip sekaligus setahun sekali, maka kereta itu menggunakan jalan atau tidak menggunakan jalan, maka cukai dikenakan. Sebab itulah kami cadangkan supaya cukai jalan ini dimasukkan dalam harga minyak iaitu harga minyak itu kerajaan cukai terhadap jualan minyak tersebut. Kalau ada masalah, pihak kementerian boleh cari jalan yang mana minyak digunakan oleh kenderaan dan minyak yang digunakan oleh jentera-jentera yang lain. Sebab kita tahu bahawa kadangkala kereta kita tersadai di workshop selama tiga bulan atau dua bulan bila kita overhaul. Road tax kita kena bayar juga sedangkan road-tax cukai jalan, bukan workshop tax. Jadi, kita kena bayar. Begitu juga bila kita pergi ke Mekah selama hampir 45 hari atau dua bulan. Road tax kita kena bayar sedangkan kereta kita itu berada dalam garaj di rumah.

Begitulah juga bila kita keluar negeri menghadiri satu kursus dan sebagainya. Pegawai-pegawai kerajaan kadangkala keluar negeri sampai empat, lima atau enam bulan, kena bayar road-tax. Mereka duduk di England, road-tax kena bayar di Malaysia. Jadi, perkara ini perlu dipinda. Telah dicadangkan beberapa kali oleh Yang Berhormat Mulia Presiden Parti Semangat 46 dan ianya satu perkara yang positif, yang boleh difikirkan oleh Kementerian Kewangan dan kita harap perkara ini boleh difikirkan supaya cukai dikenakan ke atas minyak. Dengan itu, barulah dipanggil road-tax iaitu bila kita menggunakan jalan raya, baru kita bayar cukai. Bila kereta kita duduk di workshop atau di garaj, kita tidak perlu bayar road-tax.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, levi yang dikenakan RM100,000 kepada orang-orang asing yang hendak membeli rumah, rumah kedai dan sebagainya. RM100,000 ini bagi kita adalah besar tetapi bagi orang asing, orang Jepun, orang Singapura, orang Hongkong, ianya adalah satu angka yang cukup kecil. Sebab itu, kalau kita hendak hadkan jualan rumah atau jualan rumah kedai kepada orang asing, lebih baik kita letakkan kuota, bukan kita letakkan duit kerana mereka mampu. RM100,000 kita tahu bagi orang Jepun macam standard SPM di sini. Mula bekerja sebagai kerani gajinya lebih kurang RM6,000. Itu di peringkat lulusan SPM di sana. Kalau seorang driver, buruh, gajinya 9 dolar Amerika satu jam. Walaupun begitu, kita kena tahulah bahawa di sana makan tengahari, kita makan mi sahaja RM40 sepinggan. Bila mereka berbelanja dalam negara mereka cukup mahal tetapi bila mereka datang ke Malaysia untuk membeli sebuah rumah atau sebuah rumah kedai yang harganya RM500,000 perlu ditambah levi hanya RM100,000, bagi mereka itu angka yang terlalu kecil untuk mereka.

Sebab itu, levi RM100,000 ini tidak boleh menyekat mereka untuk membeli rumah-rumah dan juga rumah-rumah

kedai di Johor sekarang ini, kita tahu rakyat Singapura kemampuan mereka di sudut wang sekarang sudah RM1.80 untuk S\$1.00. Seorang guru biasa ataupun seorang pegawai kerajaan di peringkat tinggi sudah boleh beli rumah ataupun rumah kedai yang berharga RM350,000 hingga setengah juta ringgit di Johor Bahru kerana kemampuan kewangan. Gaji mereka RM2,000 atau RM3,000 kalau kita kali dengan RM1.80 sudah berapa ribu gaji mereka dan sempadannya begitu dekat Johor, maka levi RM100,000 ini tidak membawa erti kepada mereka melainkan kalau kita membuat kuota untuk mereka.

Jadi, kita haraplah sistem percukaaian levi ini perlu dikaji semula kalau kita hendak sekat orang-orang asing untuk datang membeli hartanah di Malaysia sekarang dan pada masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat Timbalan Menteri diminta jawab.

*4.36 ptg.*

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada dua orang Ahli Yang Berhormat iaitu Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka dan juga Ahli Yang Berhormat dari Kubang Kerian yang telah membahaskan Rang Undang-undang Kewangan yang kedua ini yang telah saya bentangkan semalam ataupun kelmarin.

Cadangan-cadangan yang diberi oleh kedua-dua orang Ahli Yang Berhormat merupakan cadangan-cadangan alternatif. Dalam ilmu ekonomi, banyak alternatif wujud. Oleh sebab itu ahli-ahli ilmu ekonomi selalu mengatakan on the one hand, this is the solution. On the other, this is that solution.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, soal menggunakan struktur cukai ataupun falsafah cukai adalah soal a matter of choice di antara kerajaan yang memerintah oleh kerajaan yang memerintah. Tadi, Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka menyebut tentang satu perkara yang sangat ideal iaitu memberi direct cash benefit kepada rakyat marhain. Ini adalah satu perkara yang baik kalau didengari oleh telinga. Dari segi ekonomi baik kita beri cash trade dan saya ucapkan terima kasih banyak kepada sahabat saya dari Balik Pulau yang telah menjawab 30% daripada jawapan yang akan saya beri. Dia telah jawab tadi.

Soalnya, direct cash benefit yang disebutkan itu bagus. Memang telah dipraktikkan di negara-negara maju seperti di Amerika diberi food stamp dan macam-macam. Tetapi kita sebagai negara yang masih lagi membangun, kalau kita buat begini, boleh dibuat. Satu daripada perkara negatif apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau tadi, ia mengakibatkan kos pembesaran birokrasi dan perkara yang paling negatif ialah ianya tidak menolong kita membangunkan ummah, iaitu ummah yang bekerja yang berasaskan pekerjaan.

Kalau kita lihat di Amerika dan di negara-negara Scandinavia yang mana ini dilakukan, kita dapati dari masa ke semasa rakyat-rakyat di situ menjadi orang yang penyegan, Tuan Yang di-Pertua. Saya tahu, saya belajar di Amerika selama lima tahun. Ramai orang yang segan, yang malas, mereka memilih untuk hidup di atas food stamp. Dia tidak payah bekerja, dia hanya mendapat direct cash benefit daripada kerajaan. Malah sistem ini dikritik di Amerika dan juga sedang dirungkai di negara-negara Scandinavia, negara yang dikatakan welfare state.

Jadi, persoalannya ialah di dalam falsafah percukaian, bukan sahaja kerajaan hendak mengambil cukai ataupun mengadakan aktiviti extractive tetapi

kerajaan melalui Kementerian Kewangan mesti di dalam aktiviti extractive ini kita juga cuba membangunkan ummah, membangunkan rakyat kita, Jadi, methodologi yang kita pilih itu mempunyai serampang banyak mata. Jadi, misalnya Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka mengatakan bahawa satu sistem percukaian mesti mempunyai unsur-unsur keadilan, kecekapan (efficient) dan ketelusan. Semua orang setuju dengan hakikat ini, kita setuju. Tetapi Yang Berhormat di dalam masa yang sama membandingkan orang yang berpendapatan RM100,000 dengan orang yang berpendapatan RM20,000. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, jikalau seorang yang berpendapatan RM20,000 setahun yang mempunyai anak lima, sebenarnya dia tidak membayar cukai pendapatan langsung. Melalui Belanjawan yang baru ini, dia tidak perlu membayar cukai pendapatan walau sesen pun apabila kita mengadakan pemotongan dan lain-lain lagi.

Jadi, perbandingan itu tidak kena Yang Berhormat kalau Yang Berhormat membandingkan yang lebih sedikit, RM30,000 misalnya, dia kena membayar cukai - direct taxation, tetapi cukai yang dibayar adalah minimal. Jadi, di sinilah apa yang kita tekankan iaitu Yang Berhormat cakap dari segi teori tetapi apa yang kita buat di sini kita telah mewujudkan kemungkinan dan kebolehan orang yang berpendapatan kalau RM20,000 setahun tidak boleh dikatakan orang yang miskin. Jadi, orang yang miskin terlepas langsung. Oleh yang kurang miskin pun terlepas, yang kena ialah orang kaya.

Misalnya di dalam sales and service tax, Yang Berhormat mengatakan bahawa ini akan menjurus kepada pengimplementasian Value-Added Tax (VAT). Sebenarnya kerajaan kita tidak menjurus ke arah itu, kerana satu kajian telah dibuat oleh pihak MIER yang

mendapati bahawa sales and service tax yang kita lakukan sekarang ini adalah mempunyai tahap progresiviti yang lebih daripada VAT. Jadi, dengan penemuan itu kerajaan tidak ghairah untuk mewujudkan VAT, hanya setakat sales and service tax.

Yang Berhormat faham apabila saya katakan progresivitinya adalah tinggi iaitu orang yang sebenarnya mempunyai kelebihan surplus akan dicukaikan. Orang yang tidak mempunyai kelebihan yang tinggi tidak akan dicukaikan sepertimana yang saya tunjuk tadi ini. Misalannya Ahli Yang Berhormat memakai baju Pierre Cardin yang berharga RM300, tetapi drebar Yang Berhormat memakai baju yang dibuat di Danok, Thailand berharga RM30, Yang Berhormat bayar RM15 dari segi sales and service tax berasaskan kepada 5%. Jadi, di sini Yang Berhormat sebagai orang kaya ditax lebih, pada hal drebar Yang Berhormat yang pakai baju RM30 hanya ditax RM1.50. Inilah yang dimaksudkan progresiviti yang meningkat, yang mana sistem taxation yang dibuat oleh kerajaan sekarang mencukaikan orang yang mempunyai surplus yang lebih.

**Tuan Lim Guan Eng:** (*Bangun*)

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Nanti sekejap. Jadi, hujah Yang Berhormat yang mengatakan bahawa consumption base tax adalah merupakan sistem cukai yang tidak memberi manfaat kepada orang miskin adalah tidak tepat.

**Tuan Lim Guan Eng:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak ada drebar, saya tidak ada kot Pierre Cardin, mungkin Yang Berhormat boleh sumbangkan kepada sayalah. Tetapi.....

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam):** (*Bangun*)

**Tuan Lim Guan Eng:**...Yang Berhormat dari Melaka itu adalah. Tetapi yang saya hendak tegaskan tadi ialah tentang sistem...

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Tuan Yang di-Pertua, ...

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ya

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Kalau saya tidak silap, beliau tuduh saya pakai Pierre Cardin, saya tidak pakai Pierre Cardin hari ini, saya memakai baju buatan Melaka.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat hendak minta penjelasan dari siapa?

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Minta penjelasan dari Kota Melaka.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Saya rasa ini tidak kena, Yang Berhormat (*Ketawa*) sebab yang sedang menjawab itu ialah Yang Berhormat Timbalan Menteri (*Ketawa*)-tidak boleh Yang Berhormat.

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Dia sebut saya pula pakai Pierre Cardin.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Mungkin bukan secara langsung Yang Berhormat.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya rasa saya tidak sebut Batu Berendam tadi-saya tidak sebut. (*Ketawa*)

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Silap sedikitlah!

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya, saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, tadi disebutkan kalau ada 5 orang anak tidak dikenakan cukai, tetapi kalau tidak ada anak masih serupa dan saya rasa dari segi prinsipnya Yang Berhormat Timbalan Menteri tentu akan bersetuju dengan saya bahawa dari segi equity element kurang.

Kalau Yang Berhormat rasa bahawa sistem cukai yang kita sedia ada, adalah lebih efisien, lebih adil berbanding dengan sistem consumption base tax. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberikan satu jaminan atau pengumuman sekarang, bahawa kita tidak menukar kaedah cukai kita kepada consumption base. Kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberikan jaminan sedemikian, saya rasa kita tidak payah mendalami perkara ini, kerana saya rasa daripada apa yang saya bacakan, mungkin ini salah tafsiran saya dan kalau begitu, Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh betulkan. Kerana apa yang saya baca dari kenyataan Tun Daim Zainuddin, Yang Berhormat dari Merbok dan juga Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, gambaran yang diberikan ialah kita menuju ke arah itu—consumption base.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Yang Berhormat minta jaminan daripada saya bahawa kita tidak akan mewujudkan consumption base tax, adakah Yang Berhormat maksudkan Value-Added Tax (VAT)?

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, keseluruhannya.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Ya?

**Tuan Lim Guan Eng:** Keseluruhannya.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Keseluruhannya.

**Tuan Lim Guan Eng:** Ya.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Jadi, Yang Berhormat sedia maklum bahawa saya tidak boleh memberi jaminan, walaupun saya menjadi menteri penuh pun saya tidak boleh memberi jaminan, kerana ini adalah keputusan yang dibuat oleh kerajaan sebagai satu kerajaan yang perlu dikaji dan dipertimbangkan.

Saya hendak menjawab soalan asas Yang Berhormat bangkitkan tadi. Saya bukan mengatakan Yang Berhormat pakai baju Pierre Cardin, saya kata kalau Yang Berhormat pakai baju Pierre Cardin, kadang-kadang Yang Berhormat tidak dapat membezakan di antara apa yang dihipotesiskan dan apa yang sebenarnya. Inilah masalah Yang Berhormat. (*Ketawa*)

Saya kata kalau Yang Berhormat pakai baju Pierre Cardin, saya tahu Yang Berhormat tidak ada drebar bukan? Yang Berhormat bawa kereta sendiri? Sebagai seorang sosialis tidak boleh ada drebar. (*Ketawa*) Ya tak? Saya kata "kalau" yang ada drebar, Yang Berhormat Timbalan Menteri, yang itu kita pun tahu.

**Seorang Ahli:** Yang demokrat.

**Tuan Lim Guan Eng:** Kerana Yang Berhormat ada bercakap "kalau" .....

**Seorang Ahli:** "Jikalau-jikalau".

**Tuan Lim Guan Eng:** Tetapi saya memberitahu Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya tidak ada, so tidak payahlah cakap "kalau" saya tidak ada.

Prinsip utama saya ialah, kalau hendak meringkaskan perkara ini, memandangkan Yang Berhormat tidak boleh memberikan satu jaminan, sekiranya kerajaan akan melaksanakan satu sistem consumption base tax, VAT tidak ada, consumption base tax, jadi cadangan utama saya ialah direct cash benefit. Adakah ini akan dipertimbangkan?

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Yang Berhormat ini masalahnya, masa saya mulakan jawapan tadi, Yang Berhormat tidak masuk. Saya sudah sebutkan secara terperinci bagaimana negatifnya consumption base tax kepada satu masyarakat yang hendak dibina umatnya. Yang Berhormat tidak biasa duduk di Amerika, saya 5 tahun berada

di Amerika, consumption base tax—bagus. Ideally dia adalah bagus untuk negara-negara yang mempercayai falsafah ataupun system welfare state. Tetapi di samping itu ianya memudaratkan umat. Di Amerika, di Scandinavia banyak orang yang telah menjadi malas, segan. Dahulu saya sebagai student, saya ada sosial security number, saya boleh pergi minta stamp, scholarship saya tidak cukup, saya minta stamp untuk mendapatkan makanan, pada hal saya tidak menyumbangkan apa pun kepada pembangunan negara Amerika, saya hanya pergi mengambil di Amerika. Jadi, ini yang saya maksudkan ideally adalah bagus. Oleh itu saya hendak menjawab soalan mengenai kerisauan yang mana Yang Berhormat tidak boleh nampak satu sistem yang sosialistik, fabian, socialism atau apa socialism sekali pun.

Yang saya hendak tekankan di sini, Kerajaan Barisan Nasional daripada Perikatan, daripada masa Yang Berhormat dari Gua Musang menjadi Menteri Kewangan sekali pun, apa yang dipakai ialah satu sistem yang eclectic iaitu kita mengambil perkara yang baik daripada semua sistem.

Kita ada income base tax, bukan kita tidak ada, kita ada consumption base tax dicampurkan menjadi satu sistem yang eclectic, yang mana kita ambil the best of the existing system dan kita wujudkan apa yang dipanggil sekarang. Jadi inilah satu daripada keunikan pentadbiran kerajaan di bawah Barisan Nasional. Kalau Yang Berhormat sudah lama menjadi kerajaan, Yang Berhormat hendak buat welfare state pun boleh, pada masa itu mungkin negara kita akan menjadi terlalu kaya bolehlah membuat welfare state macam di Saudi Arabi, di Kuwait dan di lain-lain lagi. Tetapi apa Yang Berhormat cadangkan pada masa ini boleh dibuat, telah dijawab tadi, tetapi saya jawab awal-awal tadi, apakah kita sebagai Kementerian Kewangan hanya hendak melakukan fungsi-fungsi extractive sahaja? Tidak.

Kita melakukan fungsi extractive bersama dengan fungsi development, pembangunan negara, pembangunan ummah. Jadi, consumption base tax ini mengajar rakyat untuk consume menggunakan mengikut keadaan yang sepatutnya.

Yang Berhormat dari Kubang Kerian misalnya, kalau dia berpendapatan RM100,000 setahun takkan dia hendak makan nasi sepuluh kali ganda lebih banyak daripada orang yang berpendapatan RM10,000. Perut dia boleh makan setakat itu sahaja sama dengan Ahli dari Kepong yang masuk, tak tahu apa-apa-bangun, (*Ketawa*) dia masuk tak sempat lima saat dia bangun.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, saya dengar ucapan dia mengenai dasar serampang berapa mata, saya pun tidak tahu—banyak mata...

**Seorang Ahli:** Pandang ke depan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tetapi jawapannya tidak sampai dua mata. Itu masalah kita terutamanya percukaian ke atas orang-orang yang miskin tidak begitu jelas. Patut kita jelaskan untuk Ahli-ahli Parlimen di sini dan juga untuk khalayak ramai.

**Dato' Dr. Affudin bin Haji Omar:** Yang tak jelas itu dia. (*Sampuk*) Saya hendak tanya balik kepada Yang Berhormat, siapakah orang yang miskin? Kalau pendapatannya RM10,000 setahun, dia tak payah membayar apa-apa cukai. RM20,000 setahun yang tersebut oleh sahabat Yang Berhormat dari Kota Melaka itu bukan miskin. Dia tidak miskin. RM1,700 sebulan tidak miskin. Kalau dia ada anak lima orang dia tidak payah bayar cukai.

**Tuan Lim Guan Eng:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ya, Kota Melaka bangun.

**Tuan Lim Guan Eng:** Saya tidak berapa bersetuju kalau RM20,000 dianggap tidak miskin kerana di kawasan bandar raya saya rasa tidak memadai untuk perbelanjaan khusus sama ada di Kuala Lumpur atau di Johor Bahru dan malah untuk sesi pengajian sekolah yang baru bermula kalau ada tiga anak kena belanja RM1,000. Sangat susah! Sebab itu, saya rasa perkara pokok ialah kalau Yang Berhormat rasa, dan saya memang bersetuju dengan beberapa contoh yang dibuat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi. Kalau Yang Berhormat berkata bahawa consumption base tax ini tidak berapa edequate, saya rasa senang sahaja, kita tidak payah pakailah. Jadi, tidak payah kita berdialog tentang perkara ini. Saya rasa itu mudah.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Saya bukan hendak dialog, saya hendak tunjuk kelemahan hujah Yang Berhormat dan saya hendak tunjuk apa yang kita buat ialah acclacticle iaitu kita ambil dari sini sedikit, kita ambil dari sistem itu sedikit dan kita ambil dari sistem ini sedikit dan kita campur. Inilah yang kita ada consumption base tax, kita ada direct taxation, kita ada macam-macam direct cash benefits dan lain-lain dan semua itu.

Bukan saya hendak berhujah di sini, saya kata kalau Yang Berhormat masuk awal sebagaimana yang dipanggil oleh menteri, saya kata dalam bidang ilmu economics, economies ini bukan exact science macam physic. Kita ada alternatif ini, alternatif itu. Sebab itu, setengah orang kata, the best economist is the one arm ataupun one hand economics. Dia tidak boleh kata, one hand, this is the solution and on the other hand this is the solution. Potong satu 'hand' dia hanya boleh ada satu solution sahaja. Tetapi soalnya, Yang Berhormat mesti tahu bahawa ilmu ekonomi dan pertukaran ataupun change dalam keadaan ekonomi, sosial dan lain-lain lagi berlaku dari semasa ke semasa. Tidak ada satu jawapan yang rigid yang boleh dipakai daripada sekarang hingga hari kiamat dan ini diakui dengan

jatuhnya sistem Marxismcritical economics. The labour theory of value tidak pakai langsung. Dahulu mahasiswa kita puja, sembah

**Seorang Ahli: (Bangun)**

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Duduk dahululah kalau tak faham. (*Ketawa*) Dahulu semasa saya mengaji di Universiti Malaya, mahasiswa menggunakan labour theory of value, baca Paul Barance, sekarang buku itu sudah tidak guna, not even worth its papers sebab telah dibuktikan ianya telah gagal.

Jadi, kalau dahulu di 'test'nya gagal, dan sekarang Scandanivian countries mendapati apa yang Yang Berhormat sebutkan tadi telah gagal sedang merungkai sistem ini. Jadi, apa yang hendak katakan lagi. Reality di satu masa merupakan reality yang hampir absolute tetapi masa yang lain mungkin ianya bukan reality lagi. Jadi, Yang Berhormat Kepong.....

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum Yang Berhormat menjadi Timbalan Menteri (*Disampuk*) dan pernah berada di sebelah sini dan waktu itu sentiasa menyoalkan garis kemiskinan. Poverty line yang disoalkannya-ini tak betul, itu tak betul. Tetapi oleh Kerana konsep ekonomi dia begitu, maka tidak begitu tentulah orang ekonomi ini. Bila dia melonjak ke sebelah situ, ah! corak dia sudah bertukar-tidak soal langsung mengenai garis-garis kemiskinan. kerana percukaian tadi itu berdasarkan kepada garis-garis kemiskinan. Apakah garis kemiskinan yang boleh membayangkan keadaan yang sebenar? Di sebelah sini dia tanya yang sebenarnya apa, tetapi di sebelah situ, oh! terima semua. Ya, itu benar, saya terima. Ini bukan satu dasar ekonomi tetapi dasar persendirian! Apakah garis kemiskinan yang digunakan oleh pihak kementerian sekarang?

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:**

Tuan Yang di-Pertua, dia ini merepek apa? (*Ketawa*) Kita berbincang tentang falsafah percukaian. Tahu, tahu dia bangkit mengenai garis kemiskinan. Jadi, saya tidak tahulah.

Semasa saya duduk di sebelah sana, macam Yang Berhormat juga cuba hendak memberi pandangan, contribution kepada pihak kerajaan macam Yang Berhormat buat. Tetapi saya appreciate apa yang Yang Berhormat Kota Melaka kata, bukan saya hendak memperkecil-kecilkan pendapatnya. Tetapi apa yang saya katakan tadi ialah memberi tahu bahawa apa yang dicadangkannya tadi bagus. Saya kata awal-awal tadi tetapi Yang Berhormat duduk di luar. Inilah yang menjadi masalahnya. Saya puji Yang Berhormat, Yang Berhormat duduk di luar. (*Ketawa*) Bagus semua tetapi soalnya ini adalah is a matter of choice, dengan izin. Bahasa Inggeris sedikit. Mungkin tahun hadapan kita akan tukar mengikut keadaan. Tidak ada apa yang Yang Berhormat kata tidak bagus. Semuanya bagus, tetapi saya memberi penghargaan dengan qualification. Kalau kita hendak beri direct cash benefit, ada baiknya dan ada yang tidak baiknya.

Tuan Yang di-Pertua, jadi inilah yang saya katakan tadi, sahabat saya dari Balik Pulau telah memberikan jawapan bagi pihak saya terima kasih banyak. Mengenai perkara-perkara spesifik yang Yang Berhormat bangkitkan tadi akan diambil perhatian-harga petrol, cukai dan alat-alat perubatan, malah kita menggalakkan anak-anak untuk membeli alat-alat perubatan berubat kepada ibu bapa mereka secara indirect diberi pelupusan daripada RM1,500 kepada RM5,000 dan lain-lain lagi yang kita buat.

Ahli Yang Berhormat dari Kubang Kerian pun ada banyak yang bagus tetapi ada banyak juga yang tidak tepat. Dia kata structure cost adalah berasaskan kepada minyak. Sebenarnya, structure cost ataupun kos struktur sesuatu barang

yang Yang Berhormat bandingkan negeri Siam dengan negeri kita sebenarnya tidak betul di mana kos minyak merupakan berapa persen sahaja daripada keseluruhan struktur perburuhan, struktur permodalan lain-lain barang ada lagi.

Jadi, persoalan kita tidak menurunkan harga minyak boleh Yang Berhormat terima kalau saya menyatakan bahawa kita mencukai benda-benda yang digunakan oleh orang yang berada. Misalnya, minyak yang digunakan oleh Yang Berhormat, Yang Berhormat berada sebab Yang Berhormat dapat RM5,000 sebulan, tambah upah bersyarah di Padang Terap, tambah upah bersyarah di lain-lain tempat mungkin RM10,000 sebulan. (*Ketawa*) Jadi, hal-hal ketayap itu untuk parti, yang itu saya tahu tetapi upah bersyarah pun saya tahu-pergi ke Kuala Nerang dapat RM500. Jadi, tambah di situ tambah di sini Yang Berhormat berada. Jadi, apakah salahnya kita tambah sedikit? (*Ketawa*)

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Yang Berhormat.

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Tuan Yang di-Pertua, boleh minta laluan sedikit dari Yang Berhormat Timbalan Menteri?

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ya.

**Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam:** Saya tertarik bila berkata wakil Kubang Kerian bila ceramah dapat upah. Jadi, nampaknya orang susah yang miskin beri bantuan kepada Kubang Kerian, saya fikir ini tak patut, eloklah diberhentikan perbuatan ini. (*Ketawa*)

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingat perkara-perkara itu tak usah dibincang di Parlimenlah,



bercakap standardlah sedikit. (*Ketawa*)  
Ini Timbalan Menteri yang saya hormat  
bercakap di situ. Masuk PASlah hendak  
tengok, hendak tahu macam mana kita  
ambil upah.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:**  
Okay.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong  
Tee Keat):** Kubang Kerian, minta  
penjelasan dari siapa?

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Minta  
penjelasan. Saya pun pakai kereta saya  
pun.....

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong  
Tee Keat):** Dari siapa?

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:**  
Daripada Yang Berhormat Timbalan  
Menteri. (*Ketawa*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong  
Tee Keat):** Minta satu? Ada dua orang  
Timbalan Menteri.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:**  
Timbalan Menteri Kewanganlah.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong  
Tee Keat):** Ya, baik!

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Orang  
yang bijak bistari tak sepatutnya bercakap  
begitu, biarlah kepada orang-orang  
lainlah, sebab saya pun pakai Toyota  
Corona-teksi sahaja yang dok pakai  
sekarang ini. Kalau kata kereta saya  
mewah, kita tukarlah ambil kereta Toyota  
Corona saya itu. (*Ketawa*)

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:**  
Minta maaf, sebab dia pun kata kat  
saya tadi ini, Tuan Yang di-Pertua, bila  
saya kata kat dia, dia terasa. Dia kata  
orang Padang Terap minum air sungai!  
(*Ketawa*) Saya hendak beritahu kat dia,  
air sungai Padang Terap itu adalah mineral  
water. (*Ketawa*)

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Tuan  
Yang di-Pertua, bukan saya kata, saya  
puji! Saya puji tadi, bahawa orang Padang  
Terap hidup sihat-sihat, umur 75 tahun  
still strong, biasanya dahulu Lebai Omar  
menikah di umur 75 tahun, memang  
Padang Terap. (*Ketawa*) Jadi, saya kata  
bahawa minum air sungai telaga ini  
dimasak lebih baik daripada air mineral  
yang di kempen, pada hal harganya mahal  
khasiatnya belum tentu. Saya puji tadi  
tu, bukan mengata. (*Ketawa*)

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:**  
Tuan Yang di-Pertua, bukan soal itu yang  
saya bangkitkan. Sya bangkitkan masalah  
pokoknya ialah kita mencukai orang yang  
berada. Pada hakikatnya Ahli Yang  
Berhormat dapat RM5,000 sebulan elaun,  
itu beradalah, itu melebihi paras  
kemiskinan. Kita semua ini berada, syukur  
Alhamdulillah!

Apa salahnya, bayar sedikit lebih  
daripada berapa sen sahaja, orang utara  
kata 'berapa kupang' sahaja, 'berapa duit'  
sahaja yang hendak lebih itu yang hendak  
bising sangat.

Jadi, pada hal yang lain-lain kita buang.  
Kita mengurangkan, kita mewujudkan  
banyak pelupusan, kita mewujudkan  
banyak apa yang saya maksudkan  
kemudahan-kemudahan lain.

Jadi, mengenai dengan harga-harga  
barang di sempadan, ingin saya  
menyatakan di sini, pada hakikatnya kita  
menunjuk 3.5% inflasi, 4%, 2% pada  
hakikatnya barang memang dia naik, kalau  
tidak, tiadak ada 3.4%. Kalau barang itu  
turun, dia sifar ataupun negatif-minus.  
Apa yang berlaku di Jepun, tetapi  
pembangunannya hanya 2%, 1%.

Jadi, persoalannya, harga barang  
memang naik setiap tahun. Soalnya  
kenaikan itu kita bendung, jangan naik  
tinggi sangat. Jadi, di sini kita tidak boleh  
mengatakan harga beras itu naik kerana

inflasi, memang dia naik. Dan saya ingin menyatakan di sini, bahawa kebanyakan barang-barang asas iaitu beras, gula dan lain-lain lagi tidak dikenakan 'consumption tax', tidak dikenakan sales and service tax, cuma barang-barang lain yang mungkin digunakan oleh yang lebih berada dikenakan. Jadi, naik mini bus tidak kena 'sales and service tax', tiket tidak kena tetapi, mini bus operator itu dikenakan sales and service tax, kalau dia beli alat-alat itu dan alat-alat ini. Jadi, inilah yang saya hendak tekankan di sini bahawa segala sistem percukaian yang kita buat adalah pada kita, dengan izin, the best combination that we can get.

Jadi, mungkin tahun hadapan, kita akan tukar dan Ahli Yang Borhormat dari Kubang Kerian juga menyebut mengenai dengan levi RM100,000 untuk orang asing ditukarkan kepada kuota, ini satu cadangan yang baik, yang mungkin kita ambil perhatian dan kita tengok, apakah levi RM100,000 ini tidak berkesan untuk menahan spekulasi dari luar.

Kalau ianya tidak berkesan, kita akan wujud sistem kuota. Setakat ini kita cuba yang ini dahulu, tahun depan mungkin pendapat-pendapat Ahli Yang Berhormat akan diambil perhatian, malah sebelum kita menulis ucapan Belanjawan Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan sekalipun kita telah menjelajah ke seluruh negara mendapatkan pendapat-pendapat daripada keseluruhan lapisan rakyat, bagaimana sistem percukaian kita yang perlu diwujudkan tahun hadapan dilakukan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada kedua-dua rakan saya daripada Kubang Kerian dan daripada Kota Melaka yang telah membahas dan memberi pendapat-pendapat yang baik khususnya Kubang Kerian, dia marah sedikit, bila kita kata

dia ada Mercedes. Toyota Corona pun Toyota Coronalah juga, tetapi orang miskin di Padang Terap tidak boleh pakai Toyota Corona, Yang Berhormat. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, inilah sahaja, saya sekali lagi yang mana yang saya tidak dapat jawab, saya akan cuba menjawabnya di lain hari nanti. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat):** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

*Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.*

(Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 19* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

*Fasal 20*

*5.06 ptg.*

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan bahawa:

Fasal 20 Rang Undang-undang adalah dipinda dalam Bahagian III dengan menggantikan perkataan:

"Seseorang individu yang bukan seorang warganegara dan bukan seorang pemastautin tetap hendaklah dikenakan kadar sebanyak 30

peratus atas tiap-tiap ringgit daripada keuntungan yang boleh dikenakan cukai atas pelupusan sesuatu aset yang boleh dikenakan cukai yang diperolehi olehnya selepas 27hb Oktober 1995.”

dengan perkataan

“Seseorang individu yang bukan seorang warganegara dan bukan seorang pemastautin tetap, hendaklah atas pelupusan sesuatu aset yang boleh dikenakan cukai yang diperolehi olehnya dikenakan kadar sebanyak 30 peratus atas tiap-tiap ringgit daripada keuntungan yang boleh dikenakan cukai atas pelupusan tersebut selepas 27hb Oktober 1995”.

Pindaan ini bertujuan untuk memperjelaskan Bahagian III berhubung dengan kadar cukai keuntungan harta tanah 1976 yang dikenakan ke atas individu bukan warganegara dan bukan pemastautin tetap.

#### *English Translation*

Clause 20 of the Bill is amended in Part III by substituting for the words:

“An individual who is not a citizen and not a permanent resident shall be charged at the rate of 30 per cent on every ringgit of the chargeable gain on the disposal of a chargeable assets acquired by him after 27th October 1995.”

the words:

“An individual who is not a citizen and not a permanent resident shall no disposal of a chargeable assets acquired by him be charged at the rate of 30 per cent on every ringgit of the chargeable gain on that disposal after 27th October 1995.”

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Masalahnya ialah bahawa Fasal 20 sebagaimana yang dipinda di dalam slip pindaan sekarang ini terbuka untuk dibahas.

*(Tiada Perbahasan)*

**Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat):** Masalahnya ialah Fasal 20 sebagaimana yang dipinda di dalam slip pindaan dikemukakan untuk diputuskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

*Fasal 20* sebagaimana dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

*Fasal 21 hingga 30* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

#### **AKTA KASTAM, 1967**

- (i) **Perintah Duti kastam (Barang-barang Berasal dari Negeri-Negeri ASEAN) (Tarif Keutamaan Sama Rata) 1994;**
- (ii) **Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 4) 1995;**
- (iii) **Perintah Duti kastam (Pindaan) (No. 5) 1995; dan**
- (iv) **Perintah Kastam (Duti Anti-Lambakan Sementara) 1995.**

*5.10 ptg.*

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:**  
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diletakkan padanya oleh

subseksyen 2, Seksyen 11, Akta Kastam 1967 supaya perintah-perintah berikut:

- (i) Perintah Duti Kastam (Barang-barang Berasal dari Negeri-Negeri ASEAN) (Tarif Keutamaan Sama Rata) 1994;
- (ii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 4) 1995;
- (iii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 5) 1995; dan
- (iv) Perintah Kastam (Duti Anti-Lambakan Sementara) 1995;

yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai kertas-kertas Statut Bil. 276, 277, 278 dan 279 disahkan.

*(Tuan Yang di-Pertua mem-pengerusikan Mesyuarat)*

Tuan Yang di-Pertua, Perintah Duti Kastam iaitu Barang-barang Berasas dari Negeri-Negeri ASEAN (Tarif Keutamaan Sama Rata) 1994 adalah bertujuan untuk melaksanakan obligasi Malaysia sebagai anggota ASEAN selaras dengan persetujuan Sidang Kemuncak Keempat di Singapura di mana ketua-ketua Negara Asean telah menandatangani perjanjian iaitu yang bernama "Agreement On the Common Effective Preferential Tariff" ataupun CEPT - scheme or Asean Free Trade Area (AFTA).

Perjanjian CEPT bertujuan untuk mewujudkan AFTA dalam tempoh 15 tahun. Di bawah mekanisme ini negara-negara Asean akan membuat potongan tarif ke atas semua barangan yang di perdagangan ke paras 0% hingga 5% menjelang 1hb Januari, 2003.

Perintah Duti kastam (Pindaan) (No. 4) 1995 adalah bertujuan untuk menghapuskan duti import ke atas kertas pembungkusan simen (unbleached sack-craft paper) dari 5% kepada nil (0%) sebagai satu langkah untuk mengurangkan kos pengeluaran simen.

Perintah Duti kastam (Pindaan) (No. 5) 1995 adalah bertujuan khusus untuk menunaikan obligasi Malaysia bagi

mengurangkan duti import dalam rundingan pelbagai hala (MTN) Pusingan Uruguay dan Perjanjian Pertubuhan Perdagangan Antarabangsa (WTO), dan Perintah Duti Kastam pada Akta Kastam (Duti Anti-Lambakan Sementara) 1995 adalah bertujuan untuk mengenakan Duti Anti-Lambakan Sementara sebanyak 191% ke atas import alas lantai PVC dari Thailand dan 38% bagi Republik Korea sebagai tindakan awalan kerajaan ke atas aktiviti lambakan barangan tersebut di pasaran Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ini terbuka untuk dibahas. Kepong.

*5.16 ptg.*

**Dr. Tan Seng Giaw (Kepong):** Tuan Yang di-Pertua, sangat banyak untuk dibaca mengenai Tarif Keutamaan Sama Rata. Ini merupakan satu usul yang penting untuk melaksanakan perjanjian bagi menjayakan CEPT di rantau Asean. Tetapi nampaknya walaupun kita di Malaysia benar-benar melaksanakan perjanjian yang telah pun dipersetujui di Persidangan Asean, ada sesetengah negara, termasuk Indonesia yang belum lagi melaksanakan perjanjian-perjanjian ini dan saya juga diberi tahu bahawa Vietnam pun menghadapi masalah untuk melaksanakan CEPT.

Tuan Yang di-Pertua, kita mesti berusaha untuk bersama-sama melaksanakan perjanjian ini supaya pada suatu hari kelak kita dapat mewujudkan satu AFTA yang boleh memperkukuhkan keadaan ekonomi di negara-negara Asean. Oleh sebab kita pun hendak menyaksikan

lebih banyak negara, termasuk Laos, Kamboja dan juga kalau ada perubahan baik di Myanmar, kita pun mesti, pada satu hari menerima Myanmar sebagai anggota Asean dan ini menjadi 10 buah negara di Asia Tenggara yang memasuki Asean dan kita boleh memperbesarkan pasaran dan perhubungan yang lebih erat.

Inilah satu langkah yang betul untuk kita bersama-sama melaksanakan CEPT. Cuma saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, setakat mana, dengan 3 tahun berturut-turut kita mengurangkan duti import beribu-ribu barang ataupun dimansuhkan dan setakat mana ini sampai kepada rakyat jelata.

Ini penting, walaupun Kementerian Perdagangan Dalam Negeri ada membuat usaha ke arah itu tetapi nampaknya sesetengah barang masih tidak begitu murah walaupun duti dikurangkan ataupun dimansuhkan. Ini adalah masalah pelaksanaan sebab mungkin kerana keluasan negara atau mungkin kerana kakitangan Jabatan Kastam dan Eksais tidak cukup untuk melaksanakannya.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai simen. Tadi, saya ada mendengar bahawa salah satu langkahnya ialah untuk mengurangkan bahan-bahan membuat simen tetapi saya tidak begitu mengerti bagaimana kita dapat mengurangkan barang-barang ini ataupun adakah cadangan untuk mengurangkan lebih lagi bagi bahan-bahan membuat simen memandangkan keadaan permintaan simen di negara ini begitu runcing. Salah satu sebabnya, walaupun pihak kerajaan tidak pernah menyebutkan ialah kerana kita ada projek-projek yang terbesar - mega project seperti KLIA, Putrajaya, KLCC dan sebagainya dan kebanyakan simen itu dituju kepada projek-projek ini sehingga kekurangan.

Ini salah satu faktor. Faktor yang lain, saya diberi tahu kerana ada orang yang mendapat lesen membuat kilang tetapi

tidak melaksanakan sehingga kita tidak dapat kilang simen yang cukup. Ini pun satu faktor yang mengurangkan simen di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, skala ataupun jadual yang ditetapkan di dalam perjanjian Asean ini misalnya untuk tahun hadapan, apakah bilangan barang yang akan dikurangkan ataupun dimansuhkan duti importnya? Adakah setiap tahun kita kurangkan 1,000 ataupun 800 barang untuk maksud CEPT?

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja mengenai CEPT sebab kita memainkan peranan di dalam Malaysia tetapi negara-negara lain kurang berbuat demikian. Cuma saya tekankan sekali lagi, walaupun kita kurangkan bahan duti tetapi kita mesti memastikan semua rakyat dapat menikmati kekurangan atau pemansuhan duti ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Perintah Duti Kastam No. 5, 1995 ada kena mengena dengan Uruguay Round ataupun WTO. Kerana ini sangat rumit, saya pun tidak begitu faham. Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan dengan lebih lanjut kerana banyak angka di sini, saya pun tidak begitu faham.

Mengenai WTO dan sekarang Uruguay Round tidak ada lagi, digantikan dengan WTO dan perintah ini adalah untuk mematuhi perjanjian yang telah diadakan untuk cukai barang-barang yang tertentu, tetapi di dalam ini Tuan Yang di-Pertua, tidak begitu jelaslah mengenai barang-barang yang terlibat dan Yang Berhormat Timbalan Menteri pun dengan sambil lewa sahaja menyebutkan satu dua tetapi tidak mendalami masalah yang dibentangkan hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai lambakan. Akta Duti Balas Anti-Lambakan. Ini pun kurang jelaslah. Cuma saya tengok di sini, misalnya Kertas Statut 279, muka surat 3, ada Schedule, paragraph 2 - "Probationary Anti-Dumping Duties".

Misalnya polymers of vinyl chloride PVC floor covering (plain or printed) daripada Thailand. Rate of duty 161% daripada harga eksport dan juga polymers of vinyl chloride floor covering (plain or printed) 30% daripada harga eksport.

Tuan Yang di-Pertua, saya kurang faham mengenai penjelasan ini yang dikatakan pengenaan Duti Anti-Lambakan Sementara tidaklah menjejaskan pengenaan dan pungutan mengenai ini dan apakah rasionalnya, Tuan Yang di-Pertua, sebab saya kurang faham satu perkara yang rumit dan saya berharap Yang Berhormat dapat menerangkan keadaan yang sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sebutkan sedikit. Saya ada perjanjian mengenai CEPT. Di sini sangat teballah, susah hendak kita terangkan semua. Semua ini CEPT. Banyaklah, tetapi boleh bincangkan sebab kita pun tidak ada masa. Dia pun tahu juga. Saya takut dia tidak tahu sahaja. Kadang-kala Padang Terap ini tidak tahu juga. Walaupun di hadapan, susah. Kita pun tahu, kalau di hadapan kita, kadang-kala kita lupa. Tidak nampaklah.

Tuan Yang di-Pertua, Artikel 5, "Quantitative restrictions and non-tariff barriers. Member states shall eliminate all quantitative restrictions in respect of products under the CEPT scheme upon enjoyment of the concessions applicable to those products. Member states shall eliminate other non-tariff barriers on gradual basis within a period of 5 year after the enjoyment of the concessions applicable to those products".

Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan, setakat mana kita dapat menikmati concession ini dan juga setakat mana kita dapat memansuhkan non-tariff barriers dalam tempoh 5 tahun? Sebab ini tahun lepas. Ini bermakna tahun ini

dan 4 tahun daripadanya, apakah tahap dan juga ini, "Foreign exchange restrictions. Member states shall make exceptions to their foreign exchange restrictions relating to payments for the products under the CEPT scheme as well as repatriation of such payment. Without prejudice to their rights under article 18 of the General Agreement of Tariff and Trade (GATT) and relevant provisions of the articles of agreement of the International Monetary Fund (IMF).

Apakah yang disebutkan "exception" di sini? Pengecualian to their foreign exchange restrictions relating to payments for the products and the CEPT scheme. Sebab ini sangat rumit bagi saya, foreign exchange di dalam CEPT sebab Yang Berhormat pun tidak pernah sebutkan di sini. Sebab foreign exchange ini sangat penting dan rakan-rakan saya pun sangat peka kepada foreign exchange kerana kita takut ada kesilapan lagi. Kesilapan Bank Negara pada dua tiga tahun yang lepas itu sudah menimbulkan kekecewaan dan saya tidak mahu lagi mengenai foreign exchange. Walaupun ini saya berharap Kementerian Kewangan dapat melaksanakan perkara itu dengan baik.

Tuan Yang di-Pertua, ada satu lagi mengenai maintenance of concession Members state shall not.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:**  
(Bangun)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada yang bangun, Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:**  
Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta sahabat saya dari Kepong ini ulangkan lagi apa masalah foreign exchange dengan Perintah Duti Kastam ini? Foreign exchange, Bank Negara kenapa pula masuk di dalam Perintah Duti Kastam ini? (Ketawa) Kita bercakap mengenai Vinyl

board, mengapa foreign exchange? Sebelum saya menjawab, saya hendak clear untuk memberi jawapan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ini hendak clear. Dia pun peka, saya pun peka, kita sama-sama pekalah kepada foreign exchange (forex) - pertukaran wang asing sekarang kerana pengalaman dua tiga tahun ini dahsyat sekali dan saya tengok di sini kerana saya tidak begitu faham mengenai pengecualian yang diberi kepada tukaran asing dan sekatan kepada tukaran asing.

Satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua,

“Members state shall not nullify or impair any of the concessions as agreed upon to the application of methods of customs valuation, any new charges of mess or measures prescribed in trade, except in cases provided for in this agreement.”

Apakah maksud ini? “Members state shall not nullify or impair any of the concessions”. Sebab ini memanglah Yang Berhormat Menteri pun dia terpaksa meneliti hal seperti ini dan saya tidak ada peluang untuk mengetahui dengan lebih lanjut mengenai hal ini.

Tuan pengerusi, saya sebutkan mengenai ada setengah-setengah negara tidak mengikut langkah Malaysia untuk mengurang ataupun memansuhkan barang-barang mengikut jadual yang ditetapkan di bawah skim CEPT dan saya pun tidak nampak di dalam perjanjian ini apakah penalti, kalau ada setengah-setengah negara tidak mematuhi syarat-syarat perjanjian. Kerana ada di dalam perjanjian ini mengenai penalti atau, kalau ada pun, saya tidak nampak.

Ada juga mengenai fast track programme.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Yang Berhormat....

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Boleh saya celah sedikit?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Boleh, boleh, memang boleh.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Kalau saya hendak tunggu, sekejap lagi mungkin saya terlupa. Yang Berhormat, ini perjanjian antarabangsa, Yang Berhormat. Ini bukan perjanjian kontrak di antara dua syarikat. Tidak ada penalti.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tidak ada?

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Ya. Yang Berhormat dok cari, tak dapat!

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tak dapat?

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tak dapat. Tidak ada penalti. Perjanjian antara negara. Kalau negara ini tidak ikut, soalnya, pegukurannya ialah international relation ethics. Ia tidak ada bayaran - Malaysia kena bayar RM20 juta, Indonesia kena bayar, bukan. Yang Berhormat tahulah sedikit mengenai dengan law of the internationa relations.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, tak payah bawa masuk mahkamah.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tak payah?

**Tuan Yang di-Pertua:** Tak payah.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Sebab saya takut Yang Berhormat dari Padang Terap, dia tidak begitu mengambil pusing mengenai hal seperti ini.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tolong dia sebab dia dok cari merata-rata, tidak dapat. Memang tidak ada. (*Ketawa*) Saya hendak tolong dia sahaja fasal dia banyak dokumen di hadapannya. (*Ketawa*)

**Dr. Tan Seng Giaw:** Terima kasihlah kepada kepekaan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Prestasi baik juga. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, mengenai the fast track programme,

“Tariff above 20 percent will be reduced to zero percent to 5 percent between 10 years by January 2003. Tariff at 20 percent and below will be reduced to zero to 5 percent between 7 years, that is by 1st January 2000. The fast track programme covers 15 product groups identified for accelerated tariff reduction by the Fourth ASEAN Summit.”

Tuan Yang di-Pertua, ada banyak lagi di sini yang disebutkan termasuk vegetable oils dan electronics. Saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, setakat mana Malaysia dapat mengikut fast track programme atau kita pun sudah habis dengan fast track programme dan kita mula dengan the normal track programme.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya ada banyak hendak menyoal dia kerana .....

**Seorang Ahli:** Lost track!

**Dr. Tan Seng Giaw:** Macam mana lost track pulak? (*Disampuk*) Lost track banyak sebab saya pun kasihan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kalau saya bertanya dengan banyak, dia terpaksa jawab dengan banyak! (*Disampuk*)

Saya pun bersimpati kepada dia! Bukan lost track, tidak lost track! Fast track and normal track sahaja. Apa lost track? Tidak ada di sini lost track! Memang tidak ada lost track, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, setakat itu sahajalah. Kita memang beri dia peluang sedikit kerana kalau berlaku banyak soalan, dia mesti berfikir dengan banyak. Bahkan, dia ada urusan yang lain juga. (*Disampuk*)

**Seorang Ahli:** Duduk!

**Dr. Tan Seng Giaw:** Siapa cakap duduk? Sya tak mahu duduk sekarang! (*Ketawa*) Saya tak mahu duduk dah kerana banyak lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Apa lagi, Yang Berhormat Kepong?

**Beberapa ahli:** (*Menyampuk*)

**Dr. Tan Seng Giaw:** Itu “batang yang terlupar”lah! Tuan yang di-Pertua.....

**Dato’ Dr. Affifudin bin Haji Omar:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, dia bangun pula.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Macam mana hendak bangun pula sekarang?

**Dato’ Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya, Yang Berhormat hendak cari apa? Dalam list ini, kalau Yang Berhormat hendak cari, budu Thailand ada, budu Kelantan ada, budu Bagu Ong di Filipina pun ada. Yang Berhormat hendak cari apa?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, itu terlalu detail dan terlalu terperinci. Saya pun hendak beri Yang Berhormat Timbalan Menteri senang sedikit.

Tuan Yang di-Pertua, di sini, out of a total mengenai produk-produk di dalam CEPT.

“Out of a total of 5,149 products, submitted by member states, at least 79 percent of the products as its levels are included in the CEPT scheme in each member state.”

Setakat mana? Kerana tiga tahun berturut-turut kita sudah mengurangkan dan melaksanakan jadual ini. Di antara 5,149 produk group ini, setakat mana pihak



Malaysia dapat mencapai kejayaan dalam mengurangkan ataupun memansuhkan duti import atau eksport ini?

Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Balik Pulau.

5.41 ptg.

**Dr. Nungasari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau):** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Akta Kastam 1967 khususnya tentang Perintah Duti Kastam (Barang-barang Berasal daripada Negeri-negeri ASEAN)(Tarif Keutamaan Sama Rata) 1994.

Perintah Duti ini merujuk secara khusus tentang hasrat untuk kita menubuhkan Asean Free Trade Area dan CEPT ini merupakan satu instrumen untuk kita melaksanakan hasrat yang tersebut. Dalam konteks ini, saya sangat-sangat mengalukan Perintah Duti ini kerana ia memperjelaskan senarai barang-barang yang dimasukkan dalam senarai CEPT ini dan sekaligus menunjukkan komitmen Malaysia untuk mencapai hasrat kita untuk menubuhkan Asean Free Trade Area, satu-satunya gagasan yang kita fikir adalah perlu dalam jangka masa panjang menentukan bahawa negara-negara Asean juga dapat secara kolektifnya melibatkan diri dalam pertumbuhan perdagangan antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, saya hanya ingin menimbulkan beberapa perkara mengenai Perintah Duti Kastam ini. Pertamanya, saya hendak timbulkan masalah pentakrifan nilai.

Senarai ini adalah senarai yang reciprocal. Maknanya kita dengan Singapura, dengan Indonesia, dengan Thailand kita setuju bahawa inilah dia barang-barang yang hendak dimasukkan ke dalam senarai ini yang mana kadar

dutinya adalah seperti yang kita persetujuan, iaitu kita sama-sama bersetuju tentang barang-barang itu, baru kita masuk dalam senarai ini.

Jadi, saya hendak timbulkan, mungkin dari segi pentadbiran saya hendak bertanya, ini merupakan komitmen Malaysia kepada CEPT dari segi Kertas Statut ini dibentangkan dalam Dewan Rakyat dan sebagainya. Apakah pada peringkat legislation di negara-negara ahli yang lain, apakah tahap dari segi perundangan negara masing-masing tentang komitmen mereka; adakah sama dengan Malaysia? Malaysia sudah membentuk senarai ini dan mengemukakan kepada Dewan Rakyat.

Soal yang kedua ialah soal pentakrifan nilai. Ini juga disentuh sedikit di dalam statut ini. Yang saya maksudkan tentang pentakrifan nilai ialah kita setuju bahawa untuk barang-barang tertentu, kadar dutinya sekian peratus tetapi kadar duti dikenakan berdasarkan nilai, 15% atau 9% atas nilai F.O.Bnya. Tetapi dari segi pelaksanaannya, dari segi pihak kastam menentukan nilai, misalnya katakan baju bulu binatang, 10%. Jadi, bila masuk dari segi declaration nilai itu, pihak Kastam Malaysia menentukan, "Okay ini dia nilainya". Dia tentukan 9% atas nilai itu.

Masalah yang saya timbulkan tentang pentakrifan nilai ini adalah kerana kalau Kastam Malaysia dengan Kastam Indonesia misalnya menggunakan administrative procedure menentukan nilai yang berbeza, walaupun kita bersetuju dengan kadar dutinya, the effective rate of duty yang dibayar mungkin berbeza oleh sebab administrative procedure atau cara pihak pentadbiran kastam kedua-dua negeri ini menentukan nilainya adalah berbeza.

Saya kurang mahir tentang konvensyen menentukan nilai ini tetapi saya difahamkan ada Brussels Convention,

mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memperjelaskan di dalam Dewan ini bagaimanakah kita hendak memastikan bukan sahaja rate of duty barang yang kita setuju ini sebenarnya kita samakan dan kita setuju barang apa yang hendak masuk dan kadarnya, tetapi juga effective rate juga sama. Nanti kastam kita nilai cara lain, kastam negara lain di Asean ini menilai cara lain, jadi effective rate akan berbeza. Kalau yang kita kenakan itu menghasilkan effective rate yang rendah tetapi kastam di negara lain menggunakan takrifan yang berbeza, walaupun rate of duty mereka sama tetapi effective rate mereka mungkin lebih tinggi daripada yang Kastam Malaysia kenakan. Jadi, oleh permasalahan yang semacam itu mungkin tidak tercapai matlamat kita untuk menyamaratakan kadar duti yang dibayar oleh kesemua negara ahli Asean.

Itu saya fikir satu perkara yang agak penting hendak diselesaikan dan serentak dengan itu juga saya hendak bertanya tentang sudahkah pihak kastam di negara-negara Asean ini duduk sekali dan berbincang tentang apakah konvensyen penentuan nilai yang hendak digunakan ataupun ini sudah termasuk dalam the Senior Economic Officials Meeting, sudah termasuk kastam dalam menyelesaikan masalah ini.

Masalah yang ketiga yang hendak ditimbulkan ialah masalah halangan bukan tarif (non-tariff barriers) dalam kita hendak mencapai matlamat untuk menubuhkan AFTA ini. Di sini kita mempunyai satu senarai yang cukup lengkap sampai 6 digit classification tentang jenis barang dan kadar cukai. Kita tahu bahawa hasratnya ialah untuk mengurangkan halangan dan menggalakkan perdagangan diantara negara-negara Asean, sekaligus menyebabkan allocation sumber di kalangan negara-negara ahli menjadi lebih cekap. Tetapi kita juga bimbang tentang halangan bukan tarif. Mungkin ada kuota yang digunakan oleh negara

masing-masing. Walaupun kita setuju, apakah persoalannya dengan kuota yang dikenakan oleh Malaysia tentang sesuatu jenis barang, kuota yang dikenakan oleh ahli-ahli negara Asean yang lain?

Perkara satu lagi yang kita hendak timbulkan bersangkutan dengan halangan bukan tarif ini ialah bersangkutan dengan piawaian produk-produk (standard products) yang hendak kita gunakan. Adakah negara-negara Asean menggunakan atau mempunyai satu standard untuk kesemua barangan yang dimasukkan di dalam senarai ini? Misalannya baru dibentangkan Akta Standard Malaysia. Malaysia mempunyai standard yang tertentu yang ditentukan sekarang ini oleh SIRIM. Misalnya content preservative sekian banyak, content pewarna artificial sekian banyak untuk makanan, kita ada standard kita sendiri tentang seat kereta, tentang banyak mana tension kita boleh tahan dan sebagainya. Jadi, kesemua barangan yang kita ada di Malaysia ini ada banyak. Di antaranya kita ada standard kita sendiri.

Jadi, dalam hal pelaksanaan CEPT ini apakah ada satu persetujuan tentang kalau kita hendak samakan kadar tarif ini, adakah satu persetujuan tentang standards? Maknanya adakah diseragamkan standard? Kalau standard tidak diseragamkan, bukankah itu nanti menimbulkan masalah? Kalau kita mempunyai standard yang lebih rendah daripada negara yang kita berdagang itu, itu okeylah. Maknanya kita dapat barang yang lebih baik daripada barang dia tetapi kalau kita mempunyai standard yang lebih tinggi daripada negara yang kita berdagang itu, maka kita akan berada pada satu kedudukan yang kita compromise pada dialah.

Jadi, saya ingin bertanya apakah ada satu persetujuan yang selari dengan pelaksanaan CEPT ini yang menentukan bahawa product standard untuk semua

produk yang termasuk dalam senarai ini adalah sama pada semua negara Asean yang terlibat. Ini untuk menjamin bahawa kita tidak rugi ataupun kita tidak mengkompromi dari segi standard produk-produk yang kita benarkan masuk dan digunakan oleh pengguna-pengguna dalam negara kita.

Perkara yang berikutnya ialah tentang local content. Dalam Kertas Perintah ini ia setuju bahawa local content barangan mengandungi content Asean secara agregat tidak kurang 40% untuk qualify dalam ini ataupun adakah itu sebenarnya yang dimaksudkan di sini? Walau bagaimanapun, saya hendak timbulkan secara umumlah tentang content requirement ini. Jadi, apa ceritanya kalau barang A itu buatan Malaysia, masuk negara B ditambah sedikit, masuk negara C tambah sedikit, selepas itu datang balik ke Malaysia. Jadi, macam mana kita hendak kira nilai, adakah kita kira nilai ditambah ataupun adakah kita ada mechanism lain untuk kita tentukan dan apa juga cara kita hendak menentukan nilai barangan yang masuk, ini mungkin berkait juga dengan soal pentarifan nilai. Tadi, pentarifan nilai yang digunakan oleh pentadbiran kastam ini ialah bagaimana kita hendak menentukan nilai barang itu, apabila barang itu mempunyai sumbangan dari negara-negara yang berbeza-beza dalam pada dia menjadi barang yang akhir, yang dimasukkan dalam negara kita.

Perkara terakhir, yang saya hendak timbulkan ialah satu masalah umum, yang bersangkutan dengan CEPT ini ialah tentang perlindungan sementara sektor-sektor tertentu dalam negara kita daripada pelaksanaan skim ini. Pada dasarnya saya adalah seorang free trader yang mempercayai bahawa apabila masa dan keadannya sesuai, maka kita hendaklah membenarkan sekurang-kurangnya kalau bukan dalam konteks global pun dalam konteks regional, kita biarkan economic forces menentukan siapa yang patut buat apa yang terbaik. Tetapi pada peringkat

transitory ini, oleh sebab kita hendak mempercepatkan pelaksanaan CEPT ini kepada tahun 2003 dan telah dipersetujui bahawa kita akan memasukkan barangan-barangan pertanian dan juga barangan-barangan yang belum diproses di dalam senarai CEPT ini.

Apakah pertimbangan yang telah diambil oleh kementerian untuk melindungi buat sementara waktu peringkat transitory ini, sektor-sektor yang terlibat dari segi diperkurangkan perlindungan ke atas mereka dalam bentuk tarif. Khususnya yang saya hendak rujuk di sini ialah sektor pertanian, pemakanan, bagaimanakah sektor-sektor yang terlibat ini sementara kita hendak adjust balik kepada perkara-perkara yang lebih baik, yang mereka jalankan, bagaimanakah kepentingan ekonomi mereka dapat dilindungi? Kita takut nanti, kalau kita laksanakan ini secara accelerated, maka sekali gus terdapat satu kumpulan manusia yang terlibat dalam kegiatan-kegiatan tertentu akan mengalami structural unemployment.

Walaupun kita menerima bahawa pada jangka masa panjang, ianya satu perkara yang baik kepada negara, tetapi secara jangka masa pendek, kita takut nanti orang-orang yang terlibat ini mejerit kuat, jenuh kerajaan hendak kena jawab. Jadi, saya ingin penjelasan tentang perlindungan sementara sektor-sektor yang terlibat daripada pelaksanaan skim CEPT ini.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja yang hendak saya timbulkan mengenai Akta Kastam ini dan keempat-empat Perintah Duti Kastam yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon menyokong. Terima Kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Batang Lupar.

5.55 ptg.

**Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Batang Lupar):** Tuan Yang di-Pertua, sayapun ingin bercakap sedikit berhubung dengan Perintah Duti Kastam (Barang-barang Berasal dari Negeri-negeri ASEAN) (Tarif Keutamaan Sama Rata) 1994.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin juga bertanya kepada pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri berhubung dua, tiga perkara yang belum lagi rakan-rakan saya sebutkan tadi.

Kita memang menerima hakikat iaitu persamaan tarif yang kita buat pada hari ini adalah penting dan perlu di kalangan antara negara Asean. Tetapi saya juga berasa sangsi sebagaimana yang diucap oleh rakan saya tadi sama ada komitmen pihak-pihak negara-negara Asean lain juga seperti kita. Kalau perkara ini tidak berlaku ataupun undang-undang yang sama tidak dibuat di negara-negara yang terlibat, apakah risiko ataupun apakah kehabisan soalan persamaan tarif ataupun CEPT kita yang baru diluluskan pada hari ini.

Dalam buku ini seperti mana Yang Berhormat dari Kepong mengatakan memang banyak senarai-senarai daripada sayur, budu, perkakas-perkakas, barang-barang dan macam-macam. Jadi, saya ingin juga tahu berapa banyakkah barang-barang yang dimasukkan ke dalam senarai-senarai yang telah dipersetujui untuk dimasukkan dalam CEPT ini, iaitu Tarif Keutamaan Sama Rata di negara Asean?

Berhubung dengan soalan itu saya ingin jugah bertanya bagaimanakah mekanisme yang telah dibuat untuk mendapat persetujuan supaya senarai-senarai barang yang tersebut dimasukkan dalam senarai yang kita bentangkan di Dewan pada ini. Dalam keadaan yang sedemikian, apakah kerugian daripada segi cukai kepada pihak Kerajaan Malaysia, sama ada Kerajaan Malaysia

telah menurun ataupun menaikkan mana-mana cukai satu-satu item barang yang telah disenaraikan itu. Berapakah barang-barang yang telah diturunkan dan berapakah barang-barang yang telah dinaikkan untuk menyelaraskan cukai sama rata di antara Asean yang terlibat.

Tuan Yang di-Pertua, ini memang penting kerana kita pandang kos pengeluaran di negara kita mungkin lebih tinggi daripada negara umpamanya negara Indonesia dan juga Filipina, mungkin juga negara Thailand. Jadi, ada kemungkinan kos pengeluaran di negara kita adalah jauh lebih tinggi dan mendatangkan penurunan pendapatan kepada negara kita berlandaskan persamaan ataupun supaya mendapat tarif yang sama pengeluaran dan kemasukan barang-barang daripada satu negara ke negara lain di Asean.

Dalam keadaan yang sedemikian, Tuan Yang di-Pertua, saya inginlah bertanya kepada pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri, sama ada persoalan kerugian ataupun keuntungan dari segi pendapatan kerajaan juga menjadi salah satu faktor yang dipertimbangkan sebelum kita bersetuju dengan penurunan ataupun kenaikan tarif supaya mendapat tarif yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, kita memang peka bahawa negara Asean akan melakukan persamaan tarif ini dan pada satu nanti semua pertukaran barangan di antara satu negeri dengan satu negeri yang lain dalam Asean akan sama rata tetapi di sebaliknya pula kita juga melihat, sebagaimana rakan saya telah sebutkan tadi iaitu kualiti barangan yang dikelarkan dan kualiti benda yang kita terima. Ini mesti juga diambil perhatian agar negara kita tidak mendapat kerugian atas penyamaan tarif yang telah kita persetujukan itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin melihat persoalan yang dibangkitkan oleh rakan saya tadi iaitu soal 'dumping'. Dalam

undang-undang ini iaitu Anti-Dumping Duties Order 1995, saya juga ingin tahu apakah barang-barang yang disebutkan di dalam schedule yang direferkan dalam undang-undang ini.

Tuan Yang di-pertua, dengan itu saya tidak ada lagi perkara lain yang hendak dibincangkan, saya menyokong, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kuala Nerus.

6.02 ptg.

**Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said (Kuala Nerus):** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya turut sama membahaskan Akta Kastam, Perintah Duti Kastam ini. Saya lihat Kertas ini begitu detail dan perkara-perkara yang barangkali dibahaskan, soalan-soalan yang barangkali kita utarakan memerlukan satu pemahaman dan jawapan yang agak detail. Kita faham bahawa perlunya Tarif Keutamaan Sama Rata ataupun (CEPT) yang ada di hadapan kita pada hari ini.

Sebagaimana yang Ahli-ahli Yang Berhormat ketahui bahawa Malaysia adalah negara pengeluar getah dan juga barang berbentuk latex yang terbesar di dunia. Dari segi competitive advantage, dengan izin, ada tempat-tempatnya kita sebagai negara pengeluar utama kita rugi dalam hal ini kerana pada waktu ini kita menggalakkan hasil-hasil ataupun barang-barang komoditi kita, kita galakkan supaya menghasilkan barangan-baranga ataupun end products daripada komoditi kita seperti latex yang kita galakkan supaya kita melihat kepada downstream activities ataupun aktiviti-aktiviti perkilangan hiliran.

Apa yang saya maksudkan bahawa kita rugi adalah, sebagai contoh, daripada latex atau daripada getah mengikut muka surat 55 begitu tinggi sekali rate of duty. Maksud saya, bila kita ingin mengeluarkan

barang-barang siap daripada getah dan latex sebagai contoh, Malaysia adalah pengeluar terbesar getah Oil Extended Natural Rubber (OENR) iaitu tayar-tayar yang digunakan di musim salji ataupun tayar yang boleh beroperasi dengan baik pada kenderaan yang berjalan di atas salji. Untuk menghasilkan OENR ini kita perlukan banyak komponen-komponennya baik dalam bentuk bale getah, SMR, kita memerlukan feelers, kita memerlukan accelerating agent, kita memerlukan volcanizing agent, kita juga memerlukan hardening dan sebagainya. Dalam erti kata ini, bila bahan-bahan ini mahal untuk masuk ke negara kita dan kita tidak bersedia untuk menyiapkan diri kita untuk menghasilkan barang-barang ini, akhirnya saya memang bersetujulah dengan Yang Berhormat dari Balik Pulau dan Batang Lupar, akhirnya kita juga akan menanggung kos pengeluaran yang tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi saya hendak utarakan adalah tentang kepakaran. Kita lihat di sini beberapa jenis bahan-bahan chemical yang begitu detail yang kita telah kenakan kadar duti yang berlainan daripada yang kita amalkan sekarang untuk menepati kehendak CEPT ini. Sebenarnya, kepakaran yang ada pada kita pada hari ini di Rantau Asia ini dalam bidang getah umpamanya, sememangnya kepakaran yang tidak ada tolak-bandingnya dan banyak bahan-bahan yang telah kita keluarkan mengikut standardnya adalah yang terulung di dunia, bukan sahaja di Asia.

Jadi, dalam perkara ini dalam hal-hal tertentu bila kita dikenakan duti yang selama ini kita enjoy, dengan izin, maka barangkali kita agak kerugian. Sebagai contoh sekali lagi, kita lihat susu getah (latex) yang ada pada kita, kita merupakan pengeluar utama di dunia dan untuk kita eksport latex atau susu getah ini kita perlukan ammonia. Jika bahan ini dutinya tinggi dan kita tidak dapat mengeluarkan

ammonia dan saya pasti kita tidak ada ammonia ini dan selama ini sememangnya ammonia ini kita import. Dalam hal-hal tertentu kita tidak dapat elakkan penggunaan preservative ini ataupun bahan yang boleh mengekalkan rupa bentuk latex dalam keadaan baik, dalam keadaan kita hendak eksport daripada satu negara kepada satu negara sebelum digunakan untuk proses-proses yang selanjutnya. Jadi, barangkali kita perlu mengkaji beberapa komponen yang saya katakan tadi di mana kita gunakan hari-hari sebagai komponen utama untuk menghasilkan komoditi utama kita.

Dalam erti kata lain, kita mempunyai 'competitive advantage' dalam menyaingi dunia teknologi pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi adalah sudut kepakaran. Apabila barang tersebut, komponen-komponen ini masuk melalui pintu-pintu masuk, kastam-kastam. Pertama sekali, kita kenalah mengenali daripada satu item ataupun daripada satu barang sekecil-kecil seperti, sebagai contoh, katakan 'resin' umpamanya, memanglah bila kita sebut, resin umpamanya, satu barang ataupun raw material, dengan izin, untuk kita proseskan menjadi plastik. Dan resin ini kebanyakannya berwarna putih. Cuma, berbeza dari segi formula, berbeza dari segi fungsinya, keaktifannya dan berbeza dari segi packingnya sahaja.

Di sini barangkali, kalau kita bukan seorang polymer technologist ataupun rubber technologist, barangkali kita susah untuk mengenali apakah ini resin yang dimaksudkan sebagaimana kod 240, 291, 293 atau lain-lain.

Di sini kita memerlukan kepakaran, kalau tidak perbezaan di antara kadar-kadar duti yang telah disenaraikan barangkali kita anggap ianya serupa dan kita tidak dapat membezakan perkara-perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya kira ucapan saya ini pun agak teknikal dan saya rasa sememangnya kita kena teknikal kerana apa yang dibentangkan di hadapan agak teknikal dan detail, sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

6.12 ptg.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada sahabat-sahabat saya, Ahli Yang Berhormat dari Kepong, Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau, Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupa dan akhir sekali Ahli Yang Berhormat dari Kuala Nerus yang telah membahaskan Perintah-Perintah Duti Kastam yang saya bentangkan tadi dengan panjang lebarnya khususnya sahabat saya dari Kepong.

Tuan Yang di-Pertua, boleh dikatakan, banyak perkara yang telah dibangkitkan, kalau saya hendak jawab satu persatu mengikut giliran Ahli Yang Berhormat, ianya berlapis-lapis. Jadi, saya ingin mengambil beberapa fakta yang sama-sama dicakapkan dahulu iaitu common issues yang dipercakapkan oleh empat Ahli Yang Berhormat tadi.

Soal komitmen negara-negara Asean di bawah CEPT yang kita harap akan mencapai taraf Asean Free Trade Zone (AFTA) nanti, adalah komitmen yang memang serius. Tadi Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau mengatakan, apakah legislature di negara-negara Asean lain serius menjalankan apa-apa yang dijanjikan. Sebenarnya, tiap-tiap legislature di semua negara Asean sekarang ini, tujuh negara Asean sedang menjalankan usaha ke arah itu.

Ahli-ahli Yang Berhormat banyak menyebut mengenai dengan perintah Duti Kastam, barang-barang berasal dari negeri

Asean iaitu Tarif Keutamaan Sama Rata 1994, khususnya dari Kepong juga dari Balik Pulau.

Ingin saya menyatakan di sini, di Sidang Kemuncak Asean Ke-4 yang telah diadakan pada tahun 1992 di Singapura, Ketua-ketua Negara Asean telah menandatangani tiga perjanjian termasuk "Agreement on Common Effective Preferential Tariff" ataupun dikenali sebagai CEPT for Asean Free Trade Area (AFTA).

Perjanjian CEPT ini adalah bertujuan untuk mewujudkan AFTA dalam tempoh 15 tahun. Mekanisme yang digunakan untuk mencapai matlamat ini ialah skim CEPT, jadi CEPT itu ialah mekanisme untuk mencapai tujuan ini. Melalui mekanisme ini negara-negara Asean akan membuat potongan tarif ke atas semua barangan yang diperdagangkan kepada 0% hingga 5% menjelang 1hb Januari, 2008. Tetapi, sekarang ini dengan adanya perundingan-perundingan, ada yang fast track, ada yang normal track dan ada yang lain-lain lagi. Jadi, mekanismenya detail, misalnya fast track tarif yang melebihi 20% diturunkan dari 0% hingga 5% dalam masa sepuluh tahun, itu yang dimaksudkan dengan fast track, Ahli Yang Berhormat dari Kepong, ya!

Di bawah skim CEPT ini, semua barang-barang keluaran termasuk barang-barang modal iaitu capital goods dan barang-barang pertanian yang diproses ditawarkan untuk diperniagakan atas kadar cukai konsesi tertakluk kepada syarat kelayakan berikut:

- (i) Ianya berasal daripada negara-negara Asean atau mengandungi sekurang-kurangnya 40% kandungan yang berasal dari negara-negara Asean.

Ini menjawab terus persoalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau dan dari Kepong tadi.

- (ii) Ditawarkan untuk urusan niaga oleh kedua-dua negara pengimport atau pengekspor dengan kadar tarif 20% atau kurang atau barangan yang telah berada dalam kategori tarif 5% ke bawah.

Itu kriteria yang kedua.

- (iii) Mempunyai program penurunan tarif yang telah dipersetujui oleh Council AFTA.

Kita mempunyai Council AFTA, kita ada bilateral meeting, kita ada round table meeting, semua ini kebanyakan dijalankan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

Konsep pelaksanaan CEPT ini agak berbeza dengan Preferential Trading Arrangement (PTA). Ahli Yang Berhormat jangan keliru. Dia berbeza sedikit daripada PTA yang dilaksanakan melalui protokol 1987.

Di bawah skim PTA, semua negara Asean layak menikmati Margin Of Preference (MOP) yang ditawarkan oleh negara-negara anggota sedangkan di bawah skim CEPT, negara-negara Asean ini yang menawarkan barangan dengan tarif melebihi 20% tidak layak menikmati konsesi tarif bagi kumpulan barangan yang sama dari negara lain yang tarifnya berada di bawah 20%.

Walau bagaimanapun, negara yang menawarkan tarif 20% ke bawah layak menikmati konsesi CEPT daripada negara yang membuat tawaran tarif melebihi 20%.

Pemotongan tarif bagi barang-barang di bawah skim CEPT dilaksanakan mengikut dua program, iaitu saya katakan tadi fast track dipanggil laluan segera. Iaitu pertama; tarif yang melebihi 20% akan diturunkan macam yang saya katakan tadi, saya minta maaf, 0% hingga 5% di

dalam tempoh 10 tahun menjelang 1hb Januari, 2003, saya kata tadi 2008. Kedua, tarif pada kadar 20% ke bawah akan diturunkan menjadi 0% hingga 5% dalam tempoh tujuh tahun iaitu menjelang 1hb Januari, 2000.

Ini laluan segera (fast track). Normal track ataupun laluan biasa, tarif pada kadar 20% ke atas dikurangkan dalam dua peringkat iaitu ke-20% dalam tempoh lima hingga lapan tahun iaitu 1hb Januari, 2001 dan kemudiannya ke 0% hingga 5% dalam tempoh tujuh tahun berikutnya iaitu 1hb Januari, 2008. Jadi, itu normal track—2008, saya minta maaf, saya silap tadi.

Kedua, tarif pada kadar 20% akan dikurangkan ke 0% hingga 5% dalam tempoh 10 tahun iaitu menjelang 1hb Januari, 2003. Jadi, ini dua mekanisme, iaitu laluan segera dan laluan biasa.

Mesyuarat Council AFTA ke-4 yang diadakan pada 6hb Oktober, 1993.....

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Adakah negara kita sudah mendahului negara-negara lain di dalam jadual ini? Ini bermakna bagi Malaysia tidak ada normal track ataupun fast track—semua fast track.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangga menyatakan di sini bahawa negara kita banyak mengambil inisiatif. Kalau Yang Berhormat hendak kategorikan negara kita melakukan secara fast track, boleh dianggap begitu. Apabila Yang Berhormat keluar negara, pujilah negara kita sedikit dengan mengatakan we are the best. Jangan buat macam sesetengah ahli pembangkang lain, kalau keluar sahaja negara, mencela negara kita.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan mencela negara tidak timbul. Apa yang baik kita kata baik, yang kurang baik pun kita cubalah memperbaiki. Itu sahaja strategi saya.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:**

Terima kasih Ahli Yang Berhormat dari Kepong, ia seorang patriot yang cukup saya kenal, neck-tie dia pun bukan Pierre Cardine, Tuan Yang di-Pertua, tetapi neck tie dari Kelantan. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan Perintah Duti Kastam (Barang-barang Berasal dari Negeri-negeri ASEAN) (Tarif Keutamaan Sama Rata) 1994 adalah bertujuan untuk melaksanakan obligasi Malaysia dan pelaksanaan obligasi ini, Ahli Yang Berhormat dari Kepong, telah pun kita laksanakan melebihi dari apa yang diharapkan. Tetapi bukanlah bermakna negara-negara lain tidak menjalankan obligasi mereka. Adalah tidak tepat bagi Yang Berhormat tadi menuduh Indonesia tidak menjalankannya. Indonesia menjalankannya mengikut jadual-jadual yang tertentu, cuma kita tercepat sedikit. Jadi, Yang Berhormat kalau pergi ke Indonesia selalu jangan kata kepada Indonesia pula, sudahlah membawa balik perkataan Indonesia ke dalam Dewan ini "graha"lah dan macam-macam.

Jadi, saya ingin menyentuh mengenai Duti Import berkenaan dengan simen. Dalam Kertas Perintah Duti Kastam ini saya ingat unbleach sack craft paper yang digunakan untuk pembungkusan simen di bawah kod tarif 80421000 adalah tertakluk kepada duti import sebanyak 5% dan cukai jualan sebanyak 10%. Jadi, pengimportan kertas ini pada tahun 1994 sahaja sebanyak 22,300 tan. Ini merupakan satu komponen kos yang tinggi pada pengeluaran simen. Jadi, di sini kita menghapuskannya dan dengan itu ianya dapat menurunkan harga simen yang dikeluarkan dalam negara. Jadi, kalau simen ini.....

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, cuma satu penjelasan sahaja. Saya mengalu-alukan kalau kita boleh menghapuskan duti import ini, walau bagaimanapun, masalah yang perlu



ditangani oleh kementerian ini ialah pengeluaran lesen-lesen kepada pihak yang tertentu tetapi tidak membina kilang-kilang simen. Itu masalah pokok.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:**

Terima kasih Yang Berhormat. Kalau kita nampak sebuah beg, dia insignificant, dengan izin, tetapi sebenarnya 20,000 tan diimport tiap-tiap tahun. Jadi, inilah yang pentingnya sebagai satu komponen kepada kos.

Ahli-ahli Yang Berhormat banyak bercakap mengenai dengan Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 5) 1995 dan Perintah Kastam mengenai dengan Anti-Lambakan. Saya ingin menyatakan di sini, perintah ini bertujuan untuk mengenakan duti anti lambakan sementara sahaja seperti mana yang sama sebut tadi. Tarikh berkuatkuasanya ialah mulai 19hb September, 1995 hingga 16hb Januari, 1996 sebagai menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Kepong dan juga Ahli Yang Berhormat dari Kuala Nerus tadi.

Mengenai tindakan awalan, ingin saya nyatakan di sini bahawa kita membuat satu reaksi berpandukan petition daripada Perlis Consolidated Sdn. Bhd.—ini petition orang Perlis, pengeluar terbesar alas lantai PVC. Kita telah menjalankan penyiasatan anti lambakan di bawah Akta Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan (Countervailing and Anti-Dumping Duties Act, 1993). Kajian awal menunjukkan bahawa alas lantai PVC yang diimport dari Thailand dan Korea dilambakkan dan telah mengakibatkan kemudaratan kepada industri tempatan. Di sini, apa yang dibangkitkan oleh Ahli dari Balik Pulau tadi mengenai pentingnya, walaupun kita pegang kepada konsep free trading, ada industri-industri yang patut kita pertahankan buat sementara. Kalau kita buka semua pintu kita, habis datang apa yang dipanggil oleh Guna Mirda sebagai "back wash effect". Kalau Yang Berhormat

baca buku Guna Mirda dahulu, semasa Yang Berhormat belajar perubatan dahulu mungkin tidak biasa dengar siapa Guna Mirda ini. Back wash effect ini ialah import daripada negara-negara industri yang lain yang kurang harganya dilambakkan di negara-negara membangun sehingga industri yang sama di negara membangun itu habis lupus dan punah-ranah sepertimana industri membuat kain di Kedah misalnya. Apabila datangnya kain cotton dari Yorkshire, habis kawasan Yang Berhormat Pokok Sena yang dahulunya mengeluarkan kain yang banyak—habis dan sekarang tahu hanya pakai kain sahaja—itu orang-orang Yang Berhormat dari Pokok Senalah. (*Ketawa*)

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, saya setuju bahawa kita mesti memelihara industri-industri daripada anti lambakan ini, walau bagaimanapun, bagi plastik, masalahnya bukan itu sahaja, masalah kita hendak memelihara kilang yang ada di negara kita dan kita juga mengenakan duti import yang tinggi kepada bahan-bahan yang diimport. Itu masalah yang dihadapi oleh banyak kilang plastik.

**Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:** Itu sementara sahaja, Yang Berhormat. Kalau kita selalu memberikan tongkat untuk dia bertongkat, sampai bila dia boleh berlari? Macam Watson Nyambek—dia mesti buang tongkat baru boleh berlari. Sebab itu saya kata tadi itu hanya sementara sahaja (temporary).

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap saya telah menjawab semua perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh 4 orang sahabat saya yang telah pun bercakap dengan panjang lebar dan mempunyai point-point yang bernas. Hari ini saya puji Yang Berhormat Kepong. Selalunya dia puji diri, dia kata point-pointnya bernas. Kali ini kita kata point dia bernas semua dan Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kuala Nerus, Balik Pulau, Batang Lupar dan lain-lain lagi.

Tuan Yang di-Pertua, banyak lagi yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dengan detail, sebab itulah saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat kaji sendirilah, tidak payah saya jawab-hendak minta barang itu, barang ini, semuanya ada dekat 2,655 item yang telah kita kurangkan tarif. Dalam Belanjawan tahun ini sahaja kita mengurangkan hampir 800 item. Jadi, di sinilah baiknya negara kita yang berpegang kepada prinsip free trade. Dengan itu sekian sahaja, Tuan Yang di-Pertua. *(Tepuk)*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan yang berbunyi:

“Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diletakkan padanya oleh subseksyen (2) Seksyen 11 Akta Kastam 1967 supaya perintah-perintah berikut:

- (i) Perintah Duti Kastam (Barang-Barang Berasal dari Negeri-Negeri ASEAN) (Tarif Keutamaan Sama Rata) 1994;
- (ii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 4) 1995;
- (iii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 5) 1995; dan
- (iv) Perintah Kastam (Duti Anti-Lambakan Sementara) 1995;

yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai kertas-kertas Statut bil. 276, 277, 278 dan 279 disahkan.”

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui

Diputuskan,

“Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diletakkan padanya oleh subseksyen (2) Seksyen 11 Akta Kastam 1967 supaya perintah-perintah berikut:

- (i) Perintah Duti Kastam (Barang-Barang Berasal dari Negeri-Negeri ASEAN) (Tarif Keutamaan Sama Rata) 1994;
- (ii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 4) 1995;
- (iii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 5) 1995; dan
- (iv) Perintah Kastam (Duti Anti-Lambakan Sementara) 1995;

yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai kertas-kertas Statut bil. 276, 277, 278 dan 279 disahkan.”

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan hingga hari Isnin yang akan datang jam 2.30 petang.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang*